



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Lembaga Urusan dan Tabong Haji 1969
DR.31/1969

(Di-bentang dan di-bacha bagi kali pertama dalam Dewan Ra'ayat dan di-perintah supaya di-chetak, 8 haribulan Februari, 1969.)

RANG UNDANG² LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI, 1969

SASUNAN FASAL

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Fasal

1. Tajok ringkas.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN 2

PENUBOHAN LEMBAGA

3. Penubohan Lembaga Urusan dan Tabong Haji.
4. Tugas Lembaga.
5. Kuasa Menteri terhadap Lembaga.
6. Meshuarat Lembaga.
7. Tanggongan ahli.
8. Elaun kena di-bayar kepada ahli² Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Kebajikan.
9. Kenyataan oleh ahli Lembaga mengenai kepentingan urusan dengan Lembaga dan tidak berkelayakan ahli itu daripada mengundi.
10. Pemakaian seksyen 9 terhadap Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan.
11. Penjawat 'awam.
12. Perlindungan pihak-berkuasa 'awam.

BAHAGIAN 3

PENGARAH BESAR, PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

13. Pengarah Besar Lembaga.
14. Pengarah Jawatan-kuasa Kewangan.
15. Pengarah Jawatan-kuasa Kebajikan.
16. Syarat² perkhidmatan Pengarah Besar, Pengarah Kewangan, dan Pengarah Kebajikan dan perlantikan pegawai dan pengkhidmat.

BAHAGIAN 4

JAWATAN-KUASA KEWANGAN DAN JAWATAN-KUASA KEBAJIKAN

17. Penubohan Jawatan-kuasa Kewangan.
18. Penubohan Jawatan-kuasa Kebajikan.

BAHAGIAN 5

KEWANGAN

Fasal

19. Kumpulan-wang.
20. Perbelanjaan Lembaga.
21. Chara membuat deposit.
22. Pemberian, hadiah dan terimaan Lembaga.
23. Pelaboran Kumpulan-wang.
24. Menetapkan bonos.
25. Mengeluarkan wang.
26. Jaminan Kerajaan mengenai pembayaran.
27. Anggaran tahunan.
28. Akaun dan audit.
29. Laporan tahunan.

BAHAGIAN 6

KAPAL HAJI

30. Kapal² Haji di-kehendaki belayar dari atau menurunkan orang di-tempat² yang di-tetapkan.
31. Kapal Haji tidak boleh belayar dengan tiada perakuan, bil kesihatan dan penyata.
32. Menahan kapal sa-hingga penalti² di-bayar.
33. Kandongan Perakuan A dan B dan bayaran bagi perakuan² itu.
34. Budibichara mengenai mengeluarkan perakuan.
35. Salinan² Perakuan, bil dan tarif di-kehendaki di-tunjokkan.
36. Penalti kerana memalsukan perakuan.
37. Notis sa-belum belayar.
38. Kuasa bagi memasoki dan memereksa kapal Haji.
39. Pemereksaan keru.
40. Langkah² menchegeh.
41. Penyata di-kehendaki di-serahkan sa-belum kapal berlepas.
42. Kematian dalam pelayaran.
43. Kapal Haji mengambil orang² Haji tambahan di-tempat perantaraan.
44. Penyata di-kehendaki di-serahkan sa-belum orang² Haji turun kapal di-Malaysia.
45. Penalti kerana melanggar sekshen 41 hingga 44.
46. Penalti kerana perubahan di-dalam kapal Haji sa-telah perakuan di-dapati.
47. Larangan mengenai menambahkan berat ka-atas injap keledar.
48. Nakhoda hendak-lah memberi barang² bekalan yang di-tetapkan.
49. Bot terbuka yang di-tarek.
50. Larangan mengenai sa-tengah² barang dan ballast.
51. Peratoran² membawa orang² Haji.
52. Barang².

3

Fasal

53. Ruang dek atas di-kehendaki di-sediakan.
54. Pegawai Perubatan dan atendan.
55. Orang² Haji hendak-lah membenarkan diri-nya supaya di-suntek.
56. Buku chatitan harian dan laporan Pegawai² Perubatan.
57. Langkah² menchegegah di-kehendaki di-masokkan dalam buku log.
58. Deposit.
59. Tanggongan pemunya.
60. Perakuan.
61. Penalti kerana membawa orang² Haji dengan melebihi bilangan yang di-benarkan.
62. Penalti kerana mendaratkan orang Haji di-suatu tempat lain daripada tempat yang ia telah mengikat janji supaya di-daratkan.
63. Penalti kerana membuat pelayaran dengan melanggar konterek dengan orang² Haji.
64. Chukai kebersehan kena di-bayar oleh nakhoda.
65. Penalti kerana membawa orang² Haji di-dalam kapal yang tidak berseh.
66. Tanggongan mengenai pelayaran pulang ka-tanah ayer.
67. Pemereksaan apabila tiba dari Hedjaz.

BAHAGIAN 7

ORANG HAJI

68. Orang Haji hendak-lah mempunyai paspot Haji.
69. Pemereksaan doktor dan kebenaran di-kehendaki sa-belum naik kapal.
70. Penalti kerana naik kapal dengan melanggar sekshen 69.
71. Pemereksaan doktor sa-lepas naik kapal dalam hal² tertentu.
72. Pemereksaan doktor ka-atas perempuan.
73. Penalti kerana melanggar sekshen 69 atau 71.
74. Kesalahan.
75. Mengeluar dan menunjokkan teket² dan membayar balek wang tambang.
76. Harga-nya di-kehendaki di-tanda pada teket.
77. Tanggongan orang² Haji yang belayar dalam kapal yang bukan kapal Haji.

BAHAGIAN 8

TEKET HAJI

78. Pemunya atau ejen hendak-lah mengeluarkan teket.
79. Pengeluaran teket² Haji.
80. Teket Haji tidak boleh di-pindahmilk dan hendak-lah mengikut borang yang di-tetapkan.
81. Daftar teket Haji.
82. Kesalahan oleh pemunya kapal Haji.

BAHAGIAN 9

EJEN HAJI

Fasal

83. Mengambil bekerja ejen² Haji.
84. Pemberian kuasa dengan bertulis.
85. Penalti kerana bertindak sa-bagai ejen Haji tanpa kuasa.
86. Tipuan oleh ejen Haji.
87. Tanggongan ejen Haji kerana perbuatan pengkhidmat-nya.

BAHAGIAN 10

TAMBAHAN

88. Ma'alumat di-kehendaki di-hantar ka-pelabohan² naik kapal dan turun kapal.
89. Kaedah² mengira orang² Haji.
90. Keterangan di-bawah Act.
91. Peruntukan mengenai bidang kuasa.
92. Penalti am.
93. Kuasa Lembaga membuat peratoran² dan menubuh perbadanan.
94. Kechualian bagi kaedah² dan perlantikan.

BAHAGIAN 11

PERALEHAN

95. Pemansokhan Act Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji Tanah Melayu.
96. Meneruskan undang², dsb.
97. Pindahan kuasa, hak, tanggongan dan kewajipan.
98. Pindahan harta.
99. Konterek² yang ada.
100. Penerusan pembicharaan jenayah dan sivil.
101. Pemindahan Kumpulan-wang.
102. Penerusan pegawai dan pengkhidmat.
103. Mengelakkan kepinchangan.
104. Pemansokhan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan suatu Perbadanan bernama Lembaga Urusan dan Tabong Haji, bagi tugas² Lembaga, pengurusan suatu Kumpulan-wang untuk menyenggara dan menggunakan wang simpanan berhubung dengan perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang² yang menunaikan Haji ka-Hedjaz, dan perkara² yang berkaitan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act Lembaga Urusan dan Tabong Haji, 1969, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

Tajok ringkas.

(2) Act ini hendak-lah berkuatkuasa di-seluruh Malaysia.

2. Dalam Act ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“anak kapal” termasuk-lah sa-siapa jua, kechuali na-khoda, pemandu dan perantis yang dengan sempurna-nya terikat dengan konterek dan berdaftar, yang di-ambil bekerja atau di-gaji atas jawatan apa jua di-dalam mana² kapal;

“harta-benda” termasuk-lah pakaian dan suratan;

“kapal” termasuk-lah segala jenis perahu yang di-gunakan dalam pelayaran dan tidak di-gerakkan dengan tenaga dayong;

2

TAHUN 1969

“kapal Haji” erti-nya mana² kapal yang membawa atau akan membawa orang² Haji dari atau ka-mana² pelabuhan dalam Malaysia ka- atau dari mana² pelabuhan di-Laut Merah, Telukan Aden atau Laut Arabia, kechuali pelabuhan² di-India atau Pakistan:

Dengan sharat bahawa sa-sabuah kapal itu tidak-lah dianggap sa-bagai sa-buah kapal Haji dalam erti Act ini jika kapal itu membawa penumpang yang lain daripada orang² Haji dengan tiada mengkhaskan tempat berupa bilek *kabin* atau bilek *saloon* untok orang² Haji serta bilangan orang² Haji dalam kapal itu ada-lah kurang daripada kadar sa-orang bagi tiap² sa-ratus tan daripada jumlah besar berat kapal itu mengikut kira tan;

“Ketua Pegawai Kastam” erti-nya ketua pegawai kerja Kastam Laut bagi mana² pelabuhan atau tempat di-luar Malaysia;

“Kumpulan-wang” erti-nya Kumpulan-wang Lembaga Urusan dan Tabong Haji yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 19;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggung-jawab bagi mengawal hal ehwal menunaikan Haji;

“nakhoda” termasuk-lah tiap² orang, kechuali pemandu, yang memerintah atau menjaga sa-sabuah kapal;

“orang Haji” erti-nya sa-saorang yang mempunyai suatu paspot Haji yang sah di-keluarkan oleh Lembaga dan yang belayar dalam sa-buah kapal Haji atau sa-sabuah kapaludara atau sa-suatu chara pengangkutan lain yang di-urus oleh Lembaga:

Dengan sharat bahawa tiap² penumpang sama ada sa-orang Haji atau tidak yang berada dalam sa-buah kapal Haji ada-lah di-sifatkan sa-bagai sa-orang Haji bagi maksud Act ini;

“paras benaman berkanun” erti-nya paras benaman yang di-tanda pada sa-sabuah kapal menurut peruntukan² Ordinance Perkapalan Saudagar, 1952, atau mengikut Ordinance Perkapalan Saudagar bagi Negeri Singapura atau mengikut sa-suatu undang² yang pada masa itu berkuat-kuasa di-Negeri Singapura;

“paspot Haji” erti-nya surat perjalanan, mengikut borang yang di-tetapkan, di-keluarkan kepada sa-saorang Haji menurut Act ini;

“pegawai” berhubung dengan sa-sabuah kapal termasuk-lah nakhoda, *mate*, jurutera, pegawai radio, ganar, juru mudi, derebar injin dan perantis;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

3

“pegawai awam” erti-nya sa-saorang yang bekerja dengan mana² kerajaan di-Malaysia;

“pegawai kastam yang hak” erti-nya sa-saorang pegawai kastam yang bertindak untuk menjalankan kewajipan-nya mengikut sa-suatu undang² bertulis berhubung dengan kastam yang pada masa itu berkuatkuasa di-Malaysia, sama ada kewajipan itu di-tetapkan bagi-nya, sa-chara khas atau am-nya, bertulis atau yang di-ertikan ada;

“Pegawai Kesihatan Pelabohan” erti-nya sa-saorang pegawai, walau apa jua nama-nya di-panggil, yang dengan sempurna-nya di-lantek bagi melaksanakan kewajipan² sa-orang Pegawai Kesihatan Pelabohan di-sasabua pelabohan di-Malaysia;

“Pegawai Perubatan” erti-nya pegawai perubatan yang mempunyai kelayakan yang di-tetapkan;

“Pegawai Polis” erti-nya pegawai polis yang pangkat-nya tidak rendah daripada Sab-Inspekter;

“Pihak-berkuasa Tanah” berhubung dengan sa-suatu perkara mengenai tanah di-sasabua Negeri erti-nya Raja dalam Meshuarat atau Gabenor dalam Meshuarat Negeri itu;

“pelabohan” erti-nya pelabohan atau tempat yang di-ishtiharkan sa-bagai suatu pelabohan di-bawah Ordinance Perkapalan Saudagar, 1952, atau Ordinance Perkapalan Saudagar bagi Negeri Singapura;

“pelayaran” erti-nya sa-panjang masa dan sa-panjang perjalanan di-antara pelabohan kapal atau tempat kapal itu berlepas dengan pelabohan atau tempat kapal itu akhirnya tiba;

“Pemereksa Kapal” erti-nya Pemereksa Kapal yang di-lantek di-bawah Ordinance Perkapalan Saudagar, 1952;

“pemandu” erti-nya sa-saorang yang bekerja sa-demikian tetapi tidak terikat kapada mana² kapal;

“pemunya” berhubung dengan sa-sabua kapal termasuklah penchar;

“Pengarah Besar” erti-nya Pengarah Besar yang di-lantek di-bawah sekshen 13 (1);

“penumpang” erti-nya orang yang di-bawa dalam sa-sabua kapal kechuali nakhoda, pemandu, keru, pemunya, keluarga dan orang gaji-nya, dan orang yang berada dalam kapal sama ada kerana nakhoda mematohi tanggungan-nya untuk membawa orang² kapalkaram, kapalkandas atau lain²-nya atau oleh kerana apa² jua sebab mengikut keadaan-nya nakhoda atau pemunya kapal itu tidak dapat menghalang atau mengelak-nya;

“Shahbandar” erti-nya pegawai, walau apa jua nama-nya di-panggil, yang dengan sempurna-nya di-lantek bagi menjalankan kewajipan sa-orang shahbandar di-mana² pelabuhan di-Malaysia;

“surat perwakilan” erti-nya surat pengesahan wasiat, surat pentadbiran harta, surat pengesahan atau lain² surat-chara yang menjadikan sa-saorang itu wasi, pentadbir harta atau lain² wakil bagi si-mati;

“tahun kewangan” erti-nya suatu tempoh sa-lama dua belas bulan berakhir pada 31 haribulan Disember;

“teket Haji” erti-nya teket yang membolehkan atau yang berupa membolehkan sa-saorang itu belayar dalam sa-sabuah kapal Haji.

(2) Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain, jika di-sebut engkar melakukan apa² perbuatan atau perkara termasuk-lah enggan melakukan perbuatan atau perkara itu.

BAHAGIAN 2

PENUBOHAN LEMBAGA

Penubohan
Lembaga
Urusan dan
Tabong
Haji.

3. (1) Ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama “Lembaga Urusan dan Tabong Haji” (kemudian daripada ini di-sebut sa-bagai “Lembaga”) yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh menda'awa dan di-da'awa atas nama-nya dan, terta'alok kapada Act ini dan bagi maksud²-nya, boleh membuat konterek dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menggunakan harta yang boleh di-aleh dan yang tak boleh di-aleh dari segala jenis dan boleh memindah-hak, memberi-hak, menyerahkan, melepaskan, menggadaikan, menggadai-janji, memajak, memberi-hak sa-mula, memindah-milek, atau dengan jalan lain melepaskan, atau membuat apa² urusan mengenai apa² harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh atau apa² kepentingan atas harta yang terletakhak pada Lembaga mengikut sharat² yang di-fikirkan-nya patut.

(2) Peruntokan² Jadual Pertama hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Lembaga.

(3) Lembaga hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut—

(a) sa-orang Pengerusi;

(b) sa-orang Timbalan Pengerusi;

(c) Setia-usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri, Setia-usaha Perbendaharaan dan Setia-usaha, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang menjadi ahli atas jawatan mereka;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

5

- (d) Pengarah Besar;
- (e) sa-orang wakil bagi tiap² satu Negeri di-Malaysia yang di-lantek oleh Pehak-berkuasa Negeri yang berkenaan; dan
- (f) tidak lebeh daripada 10 ahli lagi yang di-lantek oleh Menteri.

(4) Ahli² Lembaga kechuali ahli atas jawatan hendaklah di-lantek dari kalangan warganegara yang beragama Islam.

(5) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong.

(6) Jika Pengerusi tidak boleh menjalankan tugas²-nya di-bawah Act ini oleh kerana sakit, tiada di-dalam Malaysia atau oleh kerana apa² jua sebab yang lain, tugas²-nya hendaklah di-jalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(7) Sa-saorang ahli Lembaga, kechuali ahli atas jawatan dan Pengarah Besar, ada-lah, melainkan jika terdahulu-nya ia meletakkan jawatan atau terdahulu-nya perlantekannya di-batalkan, memegang jawatan-nya sa-lama tempoh tidak lebeh daripada 3 tahun dan boleh di-lantek sa-mula.

(8) Meteri Lembaga hendaklah mengandongi tanda sa-bagaimana yang di-lulus oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechah, di-tukar, di-ubah dan di-buat yang lain oleh Lembaga sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

(9) Sa-hingga suatu meteri di-adakan oleh Lembaga, suatu chap yang mengandongi perkataan "Lembaga Urusan dan Tabong Haji" bolehlah di-gunakan dan hendaklah di-sifatkan sa-bagai meteri Lembaga.

(10) Meteri atau chap di-bawah sekshen-kechil (9) hendaklah di-simpan dalam jagaan Pengarah Besar dan hendaklah di-sahkan oleh-nya atau oleh mana² pegawai yang di-berikuasa oleh Lembaga dengan bertulis; dan segala surat-ikatan, suratan, dan lain² suratchara yang berupa di-meterikan dengan meteri yang tersebut dan yang di-sahkan sa-bagaimana tersebut di-atas hendaklah, sa-hingga akas-nya di-buktikan, di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya:

Dengan sharat bahawa apa² suratan atau suratchara yang sa-kira-nya di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan-nya suatu perbadanan tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri, boleh dengan chara itu juga di-sempurnakan oleh Lembaga; dan mana² suratan atau

suratchara tersebut boleh di-sempurnakan bagi pehak Lembaga oleh mana² pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang di-berikuasa dengan am-nya atau khas-nya oleh Lembaga bagi maksud itu.

(11) Meteri Lembaga hendak-lah di-iktiraf dalam hal rasmi dan kehakiman.

Tugas
Lembaga.

4. (1) Ada-lah menjadi tugas Lembaga bagi mentadbir Kumpulan-wang dan segala hal berkenaan dengan kebajikan orang² Haji dan bagi membuat dasar² berhubung dengan-nya dan bagi melakukan lain² perkara yang boleh di-lakukan di-bawah Act ini.

(2) Bagi maksud menjalankan tugas²-nya Lembaga hendak-lah di-bantu oleh Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan yang di-tubuhkan di-bawah Act ini.

(3) Lembaga boleh mengambil bekerja dan membayar ejen² dan penasihat² teknik termasuk-lah peguambela dan peguamchara, banker, berokar saham, penilai atau lain² orang, bagi menjalankan urusan atau melakukan apa² perbuatan yang di-kehendaki di-jalankan atau di-lakukan pada melaksanakan tugas²-nya atau bagi menchapai maksud² Act ini dengan jalan yang lebeh baik, dan boleh membayar dari Kumpulan-wang segala bayaran dan belanja yang di-lakukan itu.

Kuasa
Menteri
terhadap
Lembaga.

5. (1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga apa² arahan sa-chara am yang tidak bertentangan dengan peruntukan² Act ini berhubung dengan perjalanan dan pelaksanaan tugas² Lembaga dan Lembaga hendak-lah melaksanakan segala arahan itu.

(2) Lembaga hendak-lah memberi kepada Menteri penyata, akaun dan lain² ma'alumat berkenaan dengan harta dan kegiatan² Lembaga sa-bagaimana yang di-kehendaki dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri.

Meshuarat
Lembaga.

6. (1) Lembaga hendak-lah mengadakan meshuarat sa-kurang²-nya sa-kali dalam tiap² enam bulan.

(2) Pengerusi atau mana² ahli yang bertindak sa-bagai pengerusi sa-kira-nya Pengerusi tiada hadhir dan sa-puloh ahli lain ada-lah menjadi chukupbilang dalam mana² meshuarat Lembaga.

(3) Jika sa-kira-nya bilangan undi atas apa² soal sama banyak-nya, maka Pengerusi ada-lah berhak memberi undi pemutus sa-lain daripada undi asal-nya.

(4) Terta'alok kepada sekshen-kechil (1), (2) dan (3) Lembaga boleh menentukan achara-nya sendiri.

7. Tiada sa-orang ahli Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan akan bertanggung sendiri oleh kerana apa² kerugian atau kerosakan yang di-sebabkan oleh sa-suatu perbuatan atau ketinggalan dalam pentadbiran hal ehwal Lembaga melainkan jika kerugian atau kerosakan itu di-sebabkan oleh suatu perbuatan atau ketinggalan yang salah dengan bersengaja di-pehak-nya.

Tanggungan ahli.

8. Maka boleh-lah di-bayar kepada tiap² sa-orang ahli Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan dari Kumpulan-wang elaun², termasuk elaun perjalanan dan elaun penyaraan, sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Lembaga dari sa-masa ka-samasa terta'alok kepada had² dan sharat² sa-bagaimana yang di-arah oleh Menteri.

Elaun kena di-bayar kepada ahli² Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan.

9. (1) Mana² ahli yang mempunyai atau memperolehi, sa-chara langsung atau tidak langsung dengan sendiri-nya, melalui kongsi atau ejen-nya—

Kenyataan oleh ahli Lembaga mengenai kepentingan urusan dengan Lembaga dan tidak ber-kelayakan ahli itu daripada mengundi.

(a) apa² sher atau kepentingan—

(i) dalam sa-suatu konterek yang di-buat dengan Lembaga;

(ii) dalam apa² kerja yang di-buat untuk Lembaga; atau

(iii) dalam mana² sharikat atau firma atau ber-kenaan dengan apa² perniagaan yang dengan-nya Lembaga berchadang hendak membuat sa-suatu konterek; atau

(b) apa² kepentingan berfaedah mengenai tanah yang di-chadang hendak di-perolehi, di-beli, di-pajak atau pun di-perbuat apa² urusan oleh Lembaga, yang di-ketahui-nya akan terbabit atau mungkin akan terbabit dalam sa-suatu projek, sekim atau usaha yang di-lulus atau di-chadang hendak di-luluskan oleh Lembaga,

hendak-lah menyatakan jenis dan sa-takat mana sher atau kepentingan-nya itu kepada Lembaga.

(2) Kenyataan yang di-kehendaki di-buat oleh sa-saorang ahli di-bawah sekshen-kechil (1) hendak-lah di-buat di-meshuarat Lembaga di-mana apa² soal yang berkenaan dengan konterek, pemerolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau sekim itu pertama kali-nya di-pertimbangkan, atau jika pada tarikh meshuarat itu ahli tersebut tiada

mempunyai apa² sher atau kepentingan sa-demikian, di-meshuarat yang lain yang di-adakan sa-lepas ia memperoleh sher atau kepentingan itu, dan jika sa-kira-nya sa-saorang ahli itu memperoleh apa² sher atau kepentingan dalam sa-suatu konterek sa-telah konterek itu di-buat, kenyataan tersebut hendak-lah di-buat di-meshuarat yang pertama kali-nya di-adakan sa-telah ahli itu memperoleh sher atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud sekshen ini, suatu notis am yang di-beri oleh sa-saorang ahli kepada ahli² lain bermaksud bahawa ia ada-lah sa-orang ahli sa-suatu sharikat atau firma yang tertentu dan ia berkehendakkan supaya di-kira sa-bagai berkepentingan dalam mana² konterek yang, sa-lepas tarikh notis itu di-beri, di-buat dengan atau oleh sharikat atau firma itu, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu kenyataan kepentingan yang menchukupi berhubung dengan apa² konterek atau permohonan yang di-buat sa-demikian itu :

Dengan syarat bahawa notis itu tidak-lah berkesan melainkan jika ia-nya di-beri di-meshuarat Lembaga atau melainkan jika anggota yang berkenaan mengambil langkah² yang berpatutan bagi menjamin bahawa notis itu di-bentangkan dan di-bacha di-meshuarat Lembaga yang akan datang sa-telah ia-nya di-beri.

(4) Tiap² kenyataan yang di-buat menurut sekshen ini hendak-lah di-rekodkan di-dalam minit meshuarat di-mana kenyataan itu di-buat atau di-bacha.

(5) Sa-saorang ahli tidak boleh mengundi atas apa² ketetapan atau soal berhubung dengan sa-suatu konterek, pemerolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau sekim yang mengenai-nya ia mempunyai apa² sher atau kepentingan, sama ada atau tidak ia telah membuat kenyataan berkenaan dengan-nya, dan ia tidak-lah boleh mengambil apa² bahagian dalam apa² perbincangan (kechuali dengan di-pelawa oleh Lembaga) atau keputusan berhubung dengan-nya atau mengenai apa² perkara yang berkaitan dengan-nya, dan jika ia berbuat demikian undi-nya tidak-lah boleh di-kira, dan ia tidak-lah di-kira di-dalam chukup-bilang yang hadir di-meshuarat itu bagi maksud ketetapan atau soal itu.

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

9

10. Peruntokan² seksyen 9 hendak-lah di-pakai bagi sa-saorang ahli Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan yang di-lantek oleh Lembaga mengenai apa² konterek atau apa² pemerolehan, pembelian, pajakan, atau urusan mengenai tanah atau apa² projek, pelaboran atau sekim yang mengenai-nya Jawatan-kuasa itu ada-lah berkenaan mengikut chara sa-bagaimana ia-nya di-pakai bagi sa-saorang ahli Lembaga mengenai hal² saperti itu berhubung dengan Lembaga.

Pemakaian seksyen 9 terhadap Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan.

11. Semua ahli Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan, pegawai dan pengkhidmat Lembaga hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam mengikut erti Kanun Keseksaan yang berkenaan.

Penjawat awam.

12. Ordinance Perlindungan Pehak-berkuasa Awam, 1948 hendak-lah di-pakai bagi apa² tindakan, guaman, penda-awaan atau pembicharaan terhadap Lembaga atau terhadap Pengerusi, mana² ahli Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan, pegawai, pengkhidmat atau ejen bagi Lembaga berkenaan dengan apa² perbuatan, kechuaian atau keengkaran yang di-buat atau di-lakukan oleh-nya atas jawatan-nya.

Perlindungan pehak-berkuasa awam. 19 tahun 1948.

BAHAGIAN 3

PENGARAH BESAR, PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

13. (1) Maka hendak-lah ada sa-orang Pengarah Besar, di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong dan ia hendak-lah menjadi Ketua Pegawai Kerja Lembaga.

Pengarah Besar Lembaga.

(2) Pengarah Besar ada-lah bertanggung-jawab bagi menyediakan ranchangan, sekim atau projek untuk pertimbangan Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan, dan bagi melaksanakan keputusan² Lembaga, Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan.

14. Lembaga hendak-lah melantek sa-orang Pengarah Kewangan untuk menjadi pegawai kerja bagi Jawatan-kuasa Kewangan dan ia hendak-lah membantu, serta bertanggung-jawab kepada, Pengarah Besar.

Pengarah Jawatan-kuasa Kewangan.

15. Lembaga hendak-lah melantek sa-orang Pengarah Kebajikan untuk menjadi pegawai kerja bagi Jawatan-kuasa Kebajikan dan ia hendak-lah membantu, serta bertanggung-jawab kepada, Pengarah Besar.

Pengarah Jawatan-kuasa Kebajikan.

Sharat² perkhidmatan Pengarah Besar, Pengarah Kewangan dan Pengarah Kebajikan dan perantaraan pegawai dan pengkhidmat.

16. (1) Pengarah Besar, Pengarah Kewangan, dan Pengarah Kebajikan hendaklah, melainkan jika terdahulu-nya mereka meletakkan jawatan atau terdahulu-nya perlantekan-nya di-batalkan, memegang jawatan sa-lama tempoh yang di-nyatakan dalam suratchara perlantekan mereka, dan hendaklah berkhidmat mengikut sharat² sa-bagaimana di-tetapkan.

(2) Terta'alok kepada mana² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen 93, Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa melantek dan mengambil bekerja mengikut sharat² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut, sa-orang Pesuruhjaya Haji dan lain² pegawai dan pengkhidmat sa-bagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud² Act ini.

BAHAGIAN 4

JAWATAN-KUASA KEWANGAN DAN JAWATAN-KUASA KEBAJIKAN

Penubuhan Jawatan-kuasa Kewangan.

17. (1) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatan-kuasa Kewangan yang di-pengerusikan oleh Pengarah Besar.

(2) Peruntokan² Jadual Kedua hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Jawatan-kuasa Kewangan.

(3) Pengarah Kewangan yang di-lantek di-bawah sekshen 14 hendaklah menjadi Setia-usaha Jawatan-kuasa itu.

(4) Jawatan-kuasa Kewangan hendaklah terdiri daripada ahli² berikut—

(a) Pengarah Besar Lembaga;

(b) Pengarah Kewangan;

(c) sa-orang wakil Perbendaharaan;

(d) sa-orang wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar; dan

(e) tiga orang lagi yang di-lantek oleh Lembaga, dua orang daripada-nya hendaklah di-lantek dari kalangan pendeposit.

(5) Jawatan-kuasa Kewangan hendaklah, dengan menurut dasar² Lembaga, bertanggung-jawab bagi mentadbir dan melaborkan Kumpulan-wang Lembaga dan hendaklah mempunyai kuasa² sa-bagaimana yang di-wakillan oleh Lembaga.

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

11

18. (1) Lembaga hendak-lah menubuhkan suatu Jawatan-kuasa Kebajikan yang di-pengerusikan oleh Pengarah Besar.

Penubohan
Jawatan-
kuasa
Kebajikan.

(2) Peruntokan² Jadual Kedua hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Jawatan-kuasa Kebajikan.

(3) Pengarah Kebajikan yang di-lantek di-bawah sekshen 15 hendak-lah menjadi Setia-usaha Jawatan-kuasa itu.

(4) Jawatan-kuasa Kebajikan hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut—

(a) Pengarah Besar Lembaga;

(b) Pengarah Kebajikan;

(c) sa-orang wakil Kementerian Luar Negeri;

(d) sa-orang wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar; dan

(e) tiga orang lagi yang di-lantek oleh Lembaga, dua orang daripada-nya hendak-lah di-lantek dari kalangan pendeposit.

(5) Jawatan-kuasa Kebajikan hendak-lah, dengan menu-
rut dasar² Lembaga, bertanggung-jawab atas kebajikan,
perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang²
Haji, dan hendak-lah mempunyai kuasa² sa-bagaimana yang
di-wakikan oleh Lembaga.

BAHAGIAN 5

KEWANGAN

19. Bagi maksud Act ini, khusus-nya bagi maksud mem-
bolehkan warganegara menyimpan wang bagi menunaikan
Haji ka-Mekah mengikut chara yang akan membolehkan
wang simpanan mereka di-gunakan, maka hendak-lah di-
tubuhkan suatu Kumpulan-wang bernama Kumpulan-wang
Lembaga Urusan dan Tabong Haji yang terletaklah pada
Lembaga—

Kumpulan-
wang.

(a) yang ka-dalam-nya hendak-lah di-bayar-masok
deposit² yang di-buat sa-bagaimana yang di-
peruntokkan di-bawah Bahagian ini dan apa²
wang lain sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Act
ini supaya di-bayar-masok ka-dalam Kumpulan-
wang itu;

(b) yang ka-dalam-nya hendak-lah di-bayar-masok apa²
wang yang dari sa-masa ka-samasa di-sumbang
atau di-pinjamkan kepada Lembaga oleh
Kerajaan;

(c) yang ka-dalam-nya hendak-lah di-bayar-masok bayaran² paspot Haji dan apa² bayaran lain yang di-tetapkan;

(d) yang ka-dalam-nya hendak-lah di-bayar-masok wang yang di-dapati daripada pelaburan atau pengendalian sa-suatu projek, sekim pengejenan atau usaha yang di-biaya² daripada Kumpulan-wang;

(e) yang ka-dalam-nya hendak-lah di-bayar-masok segala pemberian, hadiah, sumbangan dan pemberian wasiat yang di-beri di-bawah sekshen 22;

(f) yang dari-nya deposit akan di-bayar balek dengan apa² bonos sa-bagaimana di-peruntokkan oleh Act ini, dan yang dari-nya akan di-bayar segala bayaran² lain, terta'alok kapada sekshen 20, sa-bagaimana yang di-arah oleh Act ini supaya di-bayar daripada Kumpulan-wang itu.

20. (1) Kumpulan-wang itu boleh di-gunakan bagi maksud menjalankan tugas² Lembaga :

Dengan sharat bahawa perbelanjaan Lembaga tidak-lah boleh di-tanggongkan ka-atas akaun² pendeposit.

(2) Lembaga boleh meminjam, mengikut sharat² dan bagi sa-lama tempoh yang di-luluskan oleh Perbendaharaan, apa² wang yang di-kehendaki oleh Lembaga bagi maksud Act ini.

21. Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri membuat peratoran² mengenai chara membuat deposit ka-dalam Kumpulan-wang; dan peratoran² itu hendak-lah mengadakan peruntokan bagi menyimpan akaun² yang berasingan bagi tiap² sa-orang pendeposit.

22. Apa² pemberian Persekutuan atau Negeri, apa² hadiah, sumbangan atau pemberian wasiat yang di-beri kapada Lembaga hendak-lah di-bayar ka-dalam Kumpulan-wang.

23. (1) Aset Kumpulan-wang itu hendak-lah, sa-takat yang tidak di-kehendaki untok di-belanjakan oleh Lembaga di-bawah Act ini, di-laborkan mengikut chara yang di-fikirkan patut oleh Lembaga :

Dengan sharat bahawa Lembaga tidak-lah boleh melaborkan dalam chagaran² yang di-keluar atau di-daftarkan, atau dalam lain² harta yang letak-nya di-luar Malaysia kechuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

Per-
belanjaan
Lembaga.

Chara
membuat
deposit.

Pemberian,
hadiah dan
terimaan
Lembaga.

Pelaburan
Kumpulan-
wang.

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

13

(2) Sa-belum menjalankan kuasa² pelaboran-nya di-bawah sekshen-kechil (1), Lembaga hendak-lah menimbang-kan apa² laporan atau pengeshoran yang di-buat kapada-nya oleh Penel Pelaboran yang tersebut di-bawah ini.

(3) Bagi maksud menasihat Lembaga mengenai perkara² yang berkenaan dengan pelaboran maka hendak-lah di-tubuhkan suatu Penel Pelaboran, terdiri daripada empat orang ahli yang di-lantek oleh Menteri dan Penel Pelaboran ini hendak-lah membuat laporan dan pengeshoran kapada Lembaga atas soal sama ada atau tidak Lembaga patut melaborkan apa² aset Kumpulan-wang dalam apa² pelabo-ran yang tertentu atau dalam pelaboran² dari sa-suatu jenis yang tertentu atau terus memegang apa² pelaboran yang telah di-buat-nya.

24. (1) Terta'alok kapada peruntokan sekshen ini, Lembaga boleh dengan kelulusan Perbendaharaan menetapkan kadar bonos bagi mana² tahun kewangan Kumpulan-wang itu; dan jika suatu penetapan di-buat wang yang maseh ada dalam kredit tiap² sa-orang pendeposit pada akhir tahun itu hendak-lah di-tambah dengan sa-wajar-nya.

Menetapkan bonos.

(2) Tiada-lah apa² bonos boleh di-tetapkan melainkan Lembaga telah menubuhkan suatu Kumpulan-wang Cha-dang, dan tiada-lah apa² bonos boleh di-tetapkan dalam sa-suatu tahun melainkan pada akhir tahun itu—

(a) aset Kumpulan-wang yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 19 tidak kurang daripada jumlah tang-gongan² kumpulan-wang itu, wang² yang kena di-bayar kapada pendeposit² di-kira sa-olah² kena di-bayar dengan segera; dan

(b) aset Kumpulan-wang Chadang itu tidak kurang daripada sa-suatu peratus daripada wang² yang sa-benar-nya ada dalam kredit pendeposit² pada akhir tahun itu termasuk bonos, sa-bagaimana di-luluskan oleh Perbendaharaan.

(3) Apa² pembayaran yang di-kehendaki di-bayar dari-pada Kumpulan-wang itu hendak-lah, sa-takat yang wang di-dalam Kumpulan-wang itu tiada menchukupi bagi maksud itu, di-bayar daripada Kumpulan-wang Chadang.

(4) Sekshen-kechil (1) hingga (3) dalam sekshen yang di-atas hendak-lah di-pakai terhadap aset Kumpulan-wang Chadang sa-bagaimana ia di-pakai terhadap aset Kumpulan-wang yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 19 dan segala

pendapatan daripada pelaburan aset Kumpulan-wang Chadang itu hendak-lah di-bayar ka-dalam Kumpulan-wang yang di-tuboh sa-demikian itu.

(5) Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa memindahkan aset² dari Kumpulan-wang Chadang kepada Kumpulan-wang atau dari Kumpulan-wang kepada Kumpulan-wang Chadang.

Mengeluarkan wang.

25. (1) Terta'alok kepada peruntukan sekshen ini wang yang maseh ada dalam kredit akaun sa-saorang pendeposit di-bawah Act ini boleh di-keluarkan—

(a) bagi membayar semua atau sa-bahagian daripada belanja² pendeposit untuk menunaikan Haji-nya;

(b) apabila pendeposit itu mati;

(c) apabila pendeposit itu memuaskan hati Lembaga bahawa oleh kerana umur, penyakit atau hal² lain ia tidak mungkin dapat menunaikan Haji-nya sa-panjang hayat-nya;

(d) apabila pendeposit itu memuaskan hati Lembaga bahawa ia akan meninggalkan Malaysia dan tidak berchadang hendak kembali lagi ka-Malaysia;

(e) dalam sa-suatu hal yang lain jika Lembaga, memandangkan kepada segala keadaan hal itu, membenarkan wang itu di-keluarkan,

tetapi tidak-lah dengan jalan lain.

(2) Lembaga jika di-fikirkan-nya patut boleh menolak sa-suatu permohonan untuk mengeluarkan wang di-bawah perenggan (a) sekshen-kecil (1) sa-kira-nya wang yang hendak di-keluarkan itu tidak mencukupi untuk membayar belanja² biasa bagi pendeposit itu menunaikan Haji-nya dan Lembaga tidak berpuashati bahawa ia ada sumber² lain bagi membayar belanja itu.

(3) Apabila wang telah di-keluarkan di-bawah perenggan (a) sekshen-kecil (1) Lembaga boleh, sa-bagai ganti membuat pembayaran dengan wang tunai, memberi kepada pendeposit itu teket², voucher² perjalanan atau lain² suratan yang perlu bagi menunaikan Haji.

(4) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri membuat peratoran² mengenai chara bagaimana wang boleh di-keluarkan dan keterangan yang di-kehendaki di-beri mengenai sa-suatu permohonan untuk mengeluarkan-nya.

26. (1) Jika apa² perbelanjaan Lembaga di-bawah seksyen 25 tidak dapat di-bayar dari Kumpulan-wang atau Kumpulan-wang Chadang maka perbelanjaan itu hendak-lah di-pertanggungkan ka-atas dan di-bayar daripada Kumpulan-wang Yang di-Satukan.

Jaminan
Kerajaan
mengenai
pembayaran.

(2) Apa² pembayaran dari Kumpulan-wang Yang di-Satukan hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh di-bayar balek oleh Lembaga kepada Kumpulan-wang Yang di-Satukan itu dan sa-hingga di-bayar balek hendak-lah menjadi suatu hutang kepada Kerajaan dan hendak-lah menjadi suatu tanggungan utama terhadap aset² Kumpulan-wang dan Kumpulan-wang Chadang.

27. (1) Pengarah Besar hendak-lah, tidak lewat daripada sa-bulan sa-belum bermula-nya tiap² satu tahun kewangan, membentangkan di-hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Lembaga (termasok-lah perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutan mengikut butir² dan bentuk sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Lembaga.

Anggaran
tahunan.

(2) Satu salinan anggaran itu hendak-lah di-hantar kepada tiap² sa-orang ahli Lembaga tidak kurang daripada 14 hari sa-belum tarikh meshuarat di-mana anggaran² itu akan di-bentangkan.

28. (1) Lembaga hendak-lah menyimpan akaun² yang betul dan lain² rekod berkenaan dengan pengendalian-nya dan hendak-lah menyediakan penyata² akaun bagi tiap² satu tahun kewangan.

Akaun dan
odit.

(2) Akaun² Lembaga hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Sa-lepas akhir tiap² satu tahun kewangan, sa-telah sahaja akaun² Lembaga di-odit, Lembaga hendak-lah menyebabkan supaya suatu naskhah penyata akaun itu di-hantar kepada Menteri bersama² dengan suatu naskhah apa² perhatian yang telah di-buat oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek di-bawah seksyen-kechil (2) atas apa² penyata atau apa² akaun Lembaga itu.

(4) Menteri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan bagi tiap² penyata dan perhatian itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

29. (1) Lembaga hendak-lah, tidak lewat daripada 30 hari-bulan April tiap² satu tahun, menyebabkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan

Laporan
tahunan.

dengan kegiatan² Lembaga dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandongi ma'alumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Lembaga sa-bagaimana yang di-arah dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri.

(2) Menteri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan tiap² laporan itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

BAHAGIAN 6

KAPAL HAJI

Kapal²
Haji di-
kehendaki
belayar
dari atau
menurunkan
orang
di-tempat²
yang di-
tetapkan.

30. (1) Tiada-lah boleh mana² kapal Haji berlepas atau memulakan pelayaran darimana², atau menurunkan orang² Haji di-mana², pelabohan atau tempat di-Malaysia kechuali suatu pelabohan atau tempat yang di-tetapkan bagi maksud itu oleh Menteri.

(2) Sa-lepas sa-sabuah kapal Haji berlepas atau memulakan pelayaran dari suatu pelabohan atau tempat yang di-tetapkan, tiada-lah sa-siapa jua boleh di-terima naik ka-dalam kapal itu sa-bagai sa-orang Haji, kechuali di-suatu pelabohan atau tempat lain yang di-tetapkan sa-demikian atau di-suatu pelabohan atau tempat di-luar Malaysia yang di-tetapkan oleh Menteri.

(3) Tiada-lah mana² jua perahu boleh, sa-telah menerima naik ka-dalam-nya mana² orang Haji daripada sa-sabuah kapal Haji yang berada di-luar kawasan mana² pelabohan atau tempat yang di-tetapkan sa-demikian itu, menurunkan orang Haji itu di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia, dan tiada-lah mana² jua perahu boleh menghantar mana² orang Haji dari mana² pelabohan atau tempat yang di-tetapkan sa-demikian ka-sabuah kapal Haji yang berada di-luar kawasan² pelabohan atau tempat itu, melainkan kebenaran bertulis Shahbandar telah di-dapati terlebih dahulu.

(4) Jika sa-sabuah kapal Haji berlepas atau memulakan pelayaran darimana², atau menurunkan penumpang² di-mana², pelabohan atau tempat di-Malaysia dengan melanggar sekshen-kechil (1), nakhoda atau pemunya-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima puloh ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada sa-bulan atau kedua²-nya bagi tiap² sa-orang Haji yang di-bawa dalam kapal itu atau bagi tiap² sa-orang Haji yang di-turunkan itu.

(5) Jika sa-saorang itu di-terima naik ka-dalam sa-sabuah kapal Haji sa-bagai sa-orang Haji dengan melanggar sekshen-kechil (2), nakhoda atau pemunya-nya, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan hukuman sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kechil (4) bagi tiap² sa-orang yang di-terima naik itu.

(6) Jika sa-saorang Haji itu di-turunkan dari atau di-bawa ka-sabuah kapal Haji di-dalam mana² perahu dengan melanggar sekshen-kechil (3), nakhoda atau pemunya kapal Haji itu, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan hukuman sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kechil (4) bagi tiap² sa-orang Haji yang di-turunkan atau di-bawa itu.

(7) Jumlah tempoh penjara yang di-hukumkan di-bawah sekshen ini masing² tidak-lah boleh lebeh daripada satu tahun.

31. (1) Tiada-lah mana² jua kapal Haji boleh memulakan pelayaran dari sa-sabuah pelabohan atau tempat di-Malaysia kechuali nakhoda-nya mempunyai—

Kapal Haji tidak boleh belayar dengan tiada perakuan, bil kesihatan dan penyata.

(a) suatu perakuan menurut peruntokan sekshen-kechil (1) sekshen 33 (kemudian daripada ini di-sebut “Perakuan A”);

(b) suatu perakuan menurut peruntokan sekshen-kechil (2) sekshen 33 (kemudian daripada ini di-sebut “Perakuan B”);

(c) suatu perakuan yang di-tandatangani oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan (kemudian daripada ini di-sebut “bil kesihatan”) menyatakan nama, negara dan berat kapal itu mengikut kira tan, nama nakhoda dan pegawai atau pegawai² perubatan, bilangan keru dan orang² Haji yang menaiki kapal, jenis barang², tempat berlepas dan keadaan tempat itu berkenaan dengan penyakit; dan

(d) suatu salinan pendua penyata dan penyata tambahan (jika ada) yang di-buat oleh nakhoda-nya menurut peruntokan sekshen 41 dan 43 yang di-tandatangani timbal oleh sa-orang Pegawai Polis.

(2) Pegawai kastam yang hak tidak-lah boleh memberi kebenaran berlepas daripada pelabohan kechuali nakhoda-nya mempunyai perakuan², bil kesihatan dan penyata yang tersebut dalam sekshen-kechil (1).

(3) Jika sa-sabuah kapal Haji memulakan pelayaran dengan melanggar peruntokan sekshen ini, nakhoda atau pemunya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila

18

TAHUN 1969

di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada sa-bulan atau kedua²-nya bagi tiap² sa-orang Haji yang di-bawa itu.

(4) Jumlah tempoh penjara yang di-hukumkan di-bawah sekshen ini masing² tidak-lah boleh lebeh daripada satu tahun.

Menahan kapal sa-hingga penalti² di-bayar.

32. Jika mana² kapal, yang telah melanggar peruntokan sekshen 30 atau sekshen 31 di-dapati berada, dalam masa dua tahun sa-telah berlaku-nya langgaran itu, di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia, kapal itu boleh-lah di-tangkap dan di-tahan oleh Shahbandar sa-hingga penalti yang di-kenakan di-bawah Act ini atas nakhoda atau pemunya telah di-putusan dan apa² denda yang di-kenakan atas-nya di-bawah Act ini, serta belanja², telah di-bayar.

Kandungan Perakuan A dan B dan bayaran bagi perakuan² itu.
70 tahun 1952.

33. (1) Perakuan A, yang akan di-keluarkan oleh Peme-reksa Kapal, hendak-lah menyatakan—

(a) bahawa kapal itu mempunyai satu daripada per-akuan yang tersebut dalam sekshen 208 Ordinance Perkapalan Saudagar, 1952, atau peruntokan yang bersamaan dalam undang² bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu di-Negeri Singapura atau, bagi sa-sabuah kapal kepunyaan negeri yang mengenai-nya Konvenshen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di-Laut, 1960, ada-lah di-pakai, mempunyai suatu Perakuan Keselamatan yang sah dan boleh di-pakai bagi pelayaran yang hendak di-buat oleh-nya;

(b) bahawa kapal itu dengan sa-patut-nya di-lengkapkan dan di-pasang dengan kelengkapan dan mempunyai alat gantiudara yang sa-patut;

(c) bilangan orang² Haji bagi tiap² kelas yang boleh di-bawa oleh kapal itu;

(d) bahawa kapal itu lengkap dengan pegawai² yang di-beri perakuan dengan sempurna-nya;

(e) bahawa kapal itu pada asas-nya di-jalankan dengan kuasa setim, minyak, letrik atau kuasa jentera yang lain dan bahawa ia mematohi sharat² berat dan kuasa yang di-tetapkan;

(f) bahawa kapal itu di-lengkapkan dengan alat² yang perlu bagi menyuling suatu kuantiti ayer yang menchukupi untok tiap² sa-orang di-dalam kapal ia-itu tidak kurang daripada dua gelen sa-hari dalam masa pelayaran itu;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

19

- (g) bahawa kapal itu mempunyai suatu alat penchegah jangkit yang sa-patut-nya;
- (h) bahawa kapal itu mempunyai tempat untuk rumah-sakit di-dalam-nya yang boleh menempatkan sa-bilangan, tidak lebeh daripada lima peratus orang² Haji yang menaiki kapal itu, mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan; dan
- (i) bahawa kapal itu mempunyai suatu alat wayales yang di-luluskan bagi menghantar dan menerima berita².

(2) Perakuan B, yang akan di-keluarkan oleh Shahbandar, hendak-lah menyatakan—

- (a) pelayaran yang hendak di-buat oleh kapal itu dan pelabuhan perantaraan, jika ada, di-mana ia akan singgah;
- (b) bahawa kapal itu berada dalam keadaan berseih yang sa-patut-nya dan, jika perlu, penchegah jangkit telah di-gunakan, dan bahawa kapal itu tidak membawa apa² barang yang mengikut mutu, kuantiti atau chara pembekasan-nya mungkin akan memudharatkan kesihatan atau membahayakan keselamatan penumpang;
- (c) bahawa makanan yang baik, bahanapi dan ayer berseih yang melebehi apa yang di-perlukan bagi keru dan segala barang² lain, sa-bagaimana yang di-tetapkan (jika ada), bagi kapal Haji telah berada dalam kapal itu, dan bahawa makanan itu ada-lah mengikut mutu yang di-tetapkan dan di-bungkus dengan baik dan chukup untuk membekalkan orang² Haji di-dalam kapal itu bagi sa-lama tempoh pelayaran yang akan di-buat oleh kapal itu dan bagi sa-lama mana² tempoh tahanan kerantina sa-bagaimana yang di-kehendaki, mengikut sekil yang di-tetapkan pada masa itu;
- (d) bahawa nakhoda-nya mempunyai Perakuan A;
- (e) bahawa perkiraan² bagi kapal itu ada-lah sa-demi-kian bahawa segala kehendak² yang di-tetapkan bagi pelayaran itu boleh di-patohi;
- (f) bahawa kehendak² sekshen-kecil (1) sekshen 54 telah di-patohi; dan
- (g) butir² lain sa-bagaimana yang di-tetapkan.

(3) Bagi tiap² perakuan yang di-keluarkan di-bawah sekshen ini pemunya, ejen atau nakhoda kapal Haji yang mengenai-nya perakuan itu di-keluarkan hendak-lah membayar bayaran sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Budibichara
mengenai
mengeluarkan
perakuan.

34. (1) Shahbandar tidak-lah boleh mengeluarkan Perakuan B mengenai sa-sabuah kapal Haji kechuali ia berpuas-hati bahawa kapal itu tidak membawa apa² barang yang mengikut mutu, kuantiti atau chara pembekasan-nya mungkin akan memudharatkan kesihatan atau membahayakan keselamatan orang² Haji yang berada dalam kapal itu.

(2) Terta'alok kapada peruntukan sekshen-kechil (3) maka terpulang-lah kapada budibichara Pemeriksa Kapal atau Shahbandar, mengikut mana yang berkenaan, untuk mengeluarkan atau tidak mengeluarkan sa-suatu perakuan di-bawah sekshen 33.

(3) Budibichara yang tersebut dalam sekshen-kechil (2) hendak-lah di-jalankan oleh Pemeriksa Kapal atau Shahbandar, mengikut mana yang berkenaan, terta'alok kapada kawalan Menteri yang pada masa itu bertanggung-jawab bagi pengangkutan.

Salinan²
Perakuan,
bil dan
tarif di-
kehendaki
di-tunjok-
kan.

35. (1) Nakhoda atau pemunya tiap² sa-buah kapal Haji hendak-lah menampal di-suatu bahagian kapal itu, supaya mudah di-lihat oleh orang² di-dalam kapal itu—

(a) salinan tiap² satu Perakuan A dan B yang dikeluarkan mengenai kapal itu;

(b) suatu bil, yang di-chetak dalam bahasa utama orang² Haji yang menaiki kapal itu, menunjokkan tempat yang di-tuju oleh kapal itu, harga teket, ransum harian makanan dan ayer yang di-kehendaki di-beri kapada orang² Haji; dan

(c) suatu tarif mengenai lain² makanan yang tidak termasuk di-bawah ransum harian, yang boleh di-dapati dengan bayaran,

dan hendak-lah menentukan supaya sentiasa tertampal salinan², bil dan tarif itu sa-panjang pelayaran.

(2) Sa-saorang nakhoda atau pemunya kapal Haji yang tidak mematuhi kehendak² sekshen ini, dengan tiada sebab² yang berpatutan, tanggungan bagi membuktikan sebab² itu ada-lah terletak pada-nya, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada sa-bulan atau kedua²-nya.

36. (1) Sa-siapa yang—

(a) dengan mengetahui dan bersengaja membuat atau menolong membuat atau mendapatkan supaya di-buat suatu Perakuan A atau B atau bil kesihatan palsu atau tipuan; atau

(b) memalsukan, menolong memalsukan, mendapat supaya di-palsukan, mengubah dengan tipuan, menolong mengubah atau mendapatkan supaya di-ubah dengan tipuan, sa-suatu Perakuan A atau B atau sa-suatu bil kesihatan atau apa² yang terkandung di-dalam, atau apa² tandatangan dalam, sa-suatu perakuan atau bil kesihatan,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada dua tahun atau kedua²-nya.

(2) Jika kesalahan yang di-lakukan di-bawah sekshen kechil (1) itu berhubung dengan sa-suatu bil kesihatan, kapal itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-serang penyakit.

37. (1) Nakhoda, pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji yang berlepas atau meneruskan pelayaran-nya dari mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia hendak-lah memberi notis kapada Shahbandar dan Pegawai Kesihatan Pelabohan mengenai perkara² yang berikut:

(a) bahawa kapal itu akan membawa orang² Haji;

(b) tempat yang di-tuju oleh kapal itu; dan

(c) masa belayar yang di-chadang.

(2) Notis yang tersebut di-atas itu hendak-lah di-beri—

(a) di-pelabohan berlepas yang mula² bagi kapal itu, jika pelabohan berlepas itu ia-lah di-Malaysia, tidak kurang daripada tiga hari sa-belum masa belayar yang di-chadang; atau

(b) bagi hal lain, di-pelabohan di-Malaysia yang pertama kali-nya kapal itu singgah, tidak kurang daripada dua puloh empat jam sa-belum masa belayar yang di-chadang.

(3) Sa-saorang nakhoda, pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji yang tidak mematohi mana² peruntokan sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini.

Penalti
kerana
memalsukan
perakuan.

Notis
sa-belum
belayar.

Kuasa bagi
memasoki
dan
memeriksa
kapal Haji.

38. (1) Shahbandar dan Pegawai Kesihatan Pelabohan boleh pada bila² masa sa-telah menerima notis yang tersebut dalam seksyen 37 memasoki dan memeriksa kapal itu, perpasangan²-nya dan barang² bekalan atau barang² yang ada di-dalam kapal itu dan boleh mengumpul dan mengira orang² Haji yang ada di-dalam kapal itu.

(2) Barang² bekalan yang di-bawa ka-dalam kapal oleh orang² Haji hendak-lah di-binasakan jika Pegawai Kesihatan Pelabohan berpendapat bahawa ada-lah perlu bagi kepentingan kesihatan orang² Haji di-dalam kapal itu bagi barang² bekalan itu di-binasakan.

Pemerek-
saan keru.

39. (1) Nakhoda tiap² sa-buah kapal Haji yang memasoki sa-suatu pelabohan di-Malaysia hendak-lah membenarkan Pegawai Kesihatan Pelabohan supaya memeriksa keru dan jika, pada pendapat Pegawai Kesihatan Pelabohan itu, mana² anggota keru itu mengidap penyakit yang merebak atau berjangkit atau mempunyai gejala² penyakit tersebut atau boleh memindahkan apa² penyakit, hendak-lah—

(a) mematohi arahan² Pegawai Perubatan Pelabohan berkenaan dengan anggota keru itu;

(b) jika di-kehendaki, menghantar anggota keru itu ka-rumah-sakit yang di-luluskan oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan; dan

(c) mematohi arahan² Pegawai Perubatan Pelabohan berkenaan dengan menggunakan penchegah jangkit ka-atas atau membinasakan barang² kepunyaan anggota keru itu.

(2) Sa-saorang nakhoda kapal Haji yang tidak mematohi mana² peruntukan seksyen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini.

Langkah²
menchegah.

40. Nakhoda bagi tiap² kapal Haji yang memasoki sa-sabuah pelabohan di-Malaysia hendak-lah mengambil apa² langkah sa-bagaimana yang di-arah oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan—

(a) menchegah tikus dan, jika demam kuning di-shaki, nyamok daripada masok ka-dalam kapal; dan

(b) menggunakan penchegah jangkit ka-atas ayer yang di-ambil sa-bagai *ballast*,

dan jika ia tidak berbuat demikian ia ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini.

41. (1) Nakhoda bagi tiap² kapal Haji yang berlepas atau meneruskan pelayaran-nya dari sa-sabuah pelabuhan atau tempat di-Malaysia hendak-lah menandatangani suatu penyata dalam dua salinan dalam borang yang di-tetapkan dengan memberi—

Penyata di-kehendaki di-serahkan sa-belum kapal ber-lepas.

(a) nama dan jantina semua orang² Haji yang menaiki kapal;

(b) nombor siri paspot Haji mereka;

(c) bilangan keru di-dalam kapal; dan

(d) butir² lain sa-bagaimana yang di-tetapkan,

dan hendak-lah menyerahkan kedua² salinan itu kepada sa-orang Pegawai Polis dan Pegawai Polis itu kemudian-nya hendak-lah menandatangani timbal dan mengembalikan satu salinan-nya kepada nakhoda kapal itu, sa-telah terlebih dahulu memuaskan hati-nya bahawa chatitan² itu betul dan bahawa semua orang² Haji itu mempunyai paspot Haji dan teket pergi-balek atau, bagi orang² Haji yang kapada-nya kebenaran bertulis telah di-beri di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 75, teket perjalanan pergi sahaja.

(2) Jika mana² orang Haji turun di-mana² pelabuhan persinggahan nakhoda hendak-lah menchatitkan hal itu di-dalam senarai bersestentangan dengan nama orang Haji itu.

42. (1) Jika sa-kira-nya berlaku kematian dalam masa pelayaran, nakhoda sa-sabuah kapal Haji itu hendak-lah menchatitkan—

Kematian dalam pelayaran.

(a) di-dalam salinan penyata yang di-kembalikan kapada-nya menurut sekshen-kecil (1) sekshen 41 dan di-dalam apa² penyata tambahan yang di-buat di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 43, tarikh dan sebab kematian yang di-katakan bagi tiap² orang Haji yang mati dalam pelayaran itu; dan

(b) dalam buku log-nya, nama si-mati, umur-nya, tempat dari mana ia datang, sebab kematian yang di-katakan mengikut perakuan doktor dan tarikh kematian,

dan hendak-lah memberi kapada Pengarah Besar suatu chabutan chatitan dalam buku log itu, memperakuⁱ kematian itu.

(2) Apabila kapal Haji itu tiba di-pelabuhan atau tempat tujuan-nya atau di-mana² pelabuhan atau tempat di-mana orang² Haji di-chadang hendak di-turunkan, nakhoda kapal

itu hendak-lah sa-belum sa-saorang Haji turun dari kapal menunjokkan, jika pelabohan atau tempat itu di-luar Malaysia, penyata dan apa² penyata tambahan kepada Duta atau Konsol Malaysia, Pesuruhjaya Haji di-pelabohan atau tempat itu, Pegawai Kanan Kastam di-situ atau sa-orang Pegawai Polis.

(3) Apabila berlaku sa-suatu kematian di-sebabkan oleh penyakit yang merebak mayat itu hendak-lah di-kapankan dengan kain kapan yang di-serapkan dengan suatu larutan penchegah-jangkit dan hendak-lah di-jatuhkan ka-laut dalam.

Kapal Haji mengambil orang² Haji tambahan di-tempat perantaraan.

43. (1) Jika—

(a) sa-telah sa-sabuah kapal Haji memulakan pelayaran-nya sa-siapa lagi orang Haji di-terima masok ka-dalam kapal di-sasuat pelabohan atau tempat dalam Malaysia yang di-tetapkan di-bawah Act ini bagi mengambil masok orang² Haji; atau

(b) sa-sabuah kapal Haji sa-masa dalam pelayaran-nya singgah atau tiba di-sasuat pelabohan atau tempat yang tersebut dalam perenggan (a), sa-telah terlebih dahulu-nya menerima masok ka-dalam kapal beberapa lagi orang Haji di-mana² tempat di-luar Malaysia,

nakhoda kapal itu hendak-lah mendapatkan suatu Perakuan B yang baharu daripada Shahbandar di-pelabohan atau tempat itu, dan hendak-lah memberi kepada sa-orang Pegawai Polis suatu penyata tambahan dalam dua salinan dalam borang yang di-tetapkan dengan memberi berkenaan dengan orang² Haji tambahan itu butir² yang tersebut dalam sekshen-kecil (1) sekshen 41.

(2) Semua peruntukan Act ini yang tersebut di-atas berkenaan dengan Perakuan B dan panyata yang berkenaan dengan orang² Haji yang di-kehendaki di-tandatangani dan di-serahkan menurut sekshen-kecil (1) sekshen 41 hendak-lah di-pakai terhadap mana² perakuan yang di-keluarkan atau penyata yang di-buat di-bawah sekshen ini.

Penyata di-kehendaki di-serahkan sa-belum orang² Haji turun kapal di-Malaysia.

44. Nakhoda tiap² kapal Haji yang tiba di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia di-mana orang² Haji di-chadang hendak di-turunkan hendak-lah sa-belum mana² orang Haji turun kapal menyerahkan kepada sa-orang Pegawai Polis, suatu penyata yang di-tandatangani oleh-nya, dengan memberi—

(a) nama dan jantina semua orang² Haji di-dalam kapal itu;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

25

- (b) nombor siri paspot Haji mereka;
- (c) bilangan keru; dan
- (d) butir² lain sa-bagaimana yang di-tetapkan.

45. Sa-saorang nakhoda kapal Haji yang—

- (a) tidak mematohi mana² peruntokan sekshen 41, 42, 43 dan 44 mengenai penyata² berkenaan dengan orang² Haji;
- (b) tidak mendapat mana² perakuan baharu atau membuat apa² penyata tambahan sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam sekshen-kechil (1) sekshen 43,

Penalti kerana melanggar sekshen 41 hingga 44.

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada tiga bulan atau kedua²-nya.

46. Sa-saorang nakhoda kapal Haji yang, sa-telah mendapat mana² daripada perakuan yang tersebut dalam sekshen 31 atau sekshen 43, dengan mengetahui dan dengan chuai melakukan atau membiarkan supaya di-lakukan sa-suatu yang menyebabkan perakuan itu menjadi tidak boleh dipakai terhadap kapal itu kerana perubahan keadaan kapal itu, orang² Haji yang di-dalam kapal itu atau apa² hal lain yang mengenai perakuan itu, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua²-nya.

Penalti kerana perubahan di-dalam kapal Haji sa-telah perakuan di-dapati.

47. Sa-saorang tidak-lah boleh menambahkan berat ka-atas injap keledar sa-sabuah kapal Haji hingga melebehi had² yang di-tetapkan dalam perakuan atau akuan pemereksaan kapal itu dan jika ia berbuat demikian ia, sa-lain daripada apa² tanggungan lain yang di-kenakan ka-atas-nya kerana berbuat demikian itu, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan, bagi tiap² satu kesalahan, denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit.

Larangan mengenai menambahkan berat ka-atas injap keledar.

48. (1) Nakhoda sa-sabuah kapal Haji hendak-lah memberi kapada tiap² sa-orang Haji bekalan makanan dan ayer yang baik dari segi kesihatan sa-banyak yang di-tetapkan.

Nakhoda hendak-lah memberi barang² bekalan yang di-tetapkan.

(2) Nakhoda, pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji yang melanggar peruntokan sekshen-kechil (1) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda sa-banyak lima puluh ringgit bagi

tiap² sa-orang Haji yang telah menanggung mudharat kerana nakhoda tidak mematohi peruntokan sekshen-kechil (1) itu.

Bot terbuka yang di-tarek.

49. (1) Tiada-lah mana² jua bot terbuka yang di-tarek oleh sa-sabuah kapal Haji boleh di-benarkan membawa orang² Haji sa-masa di-tarek sa-demikian itu, kechuali dalam masa kemalangan.

(2) Jika sa-saorang Haji di-bawa di-dalam sa-sabuah kapal Haji dengan melanggar sekshen-kechil (1), nakhoda kapal itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit dan bagi tiap² sa-orang Haji yang di-bawa sa-demikian itu, denda tidak lebeh daripada sa-puluh ringgit.

Larangan mengenai sa-tengah² barang dan ballast.

50. (1) Tiada-lah mana² jua kapal Haji boleh membawa sa-bagai barang² atau *ballast* apa² ubat bedil, dinamait, petroliam, bahan letupan atau benda² lain yang mudah terbakar atau apa² barang lain yang, mengikut mutu, kuantiti, atau chara pembekasan-nya, mungkin akan memudharatkan kesihatan atau membahayakan keselamatan orang² Haji atau yang di-ishtiharkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta* sa-bagai barang² yang menchemar atau mungkin menchemar kesuchian agama Islam.

(2) Jika barang² atau *ballast* di-bawa dengan melanggar sekshen-kechil (1), nakhoda kapal itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit dan tidak kurang daripada lima puluh ringgit, dan sa-lain daripada itu kapal itu boleh di-tahan sa-hingga—

- (a) barang² atau *ballast* itu telah di-buang;
- (b) penalti yang di-kenakan ka-atas nakhoda itu telah di-hukumkan; dan
- (c) apa² denda yang di-kenakan atas-nya di-bawah Act ini, serta belanja², telah di-bayar.

Peratoran² membawa orang² Haji.

51. (1) Sa-sabuah kapal Haji tidak boleh membawa orang² Haji, sama ada di-dalam mana² bilek *kabin*, bilek *saloon* atau pun dengan apa chara jua, di-atas suatu dek yang lebeh rendah daripada dek pertama di-bawah tanda paras-muatan berkanun.

(2) Jika peruntokan sekshen ini tidak di-patohi mengenai mana² kapal, nakhoda dan pemunya-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit bagi tiap² satu kesalahan itu.

52. Barang² semua orang Haji hendak-lah di-letakkan di-dalam kapal mengikut chara sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Barang².

53. (1) Tiap² kapal Haji hendak-lah mengkhaskan dengan perchuma sa-bahagian daripada dek atas supaya dapat di-gunakan oleh orang² Haji di-dalam kapal itu pada waktu siang dan malam ia-itu tidak kurang daripada enam kaki luas permukaan bagi tiap² sa-orang Haji di-dalam kapal itu.

Ruang dek atas di-kehendaki di-sediakan.

(2) Terta'alok kepada peruntukan sekshen-kechil (1) dan mana² peratoran yang di-buat di-bawah Act ini, ruang dek boleh-lah di-untokkan di-antara kelas² orang Haji yang berlainan mengikut nisbah sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh nakhoda atau pemunya.

(3) Semua ruang dek yang di-khaskan untok kegunaan orang² Haji hendak-lah jangan terhalang oleh apa² barang perniagaan dan benda² lain.

54. (1) Tiap² kapal Haji hendak-lah ada di-dalam-nya di-sapanjang pelayaran—

Pegawai Perubatan dan atendan.

(a) sa-orang pegawai perubatan;

(b) atendan² sa-bagaimana yang di-tetapkan; dan

(c) jika, bilangan orang² Haji yang di-bawa itu lebih daripada sa-ribu orang, sa-orang lagi pegawai perubatan.

(2) Rawatan perubatan dan ubat² hendak-lah di-beri perchuma kepada orang² Haji.

(3) Ada-lah menjadi kewajipan khas pegawai perubatan memeriksa orang² Haji tentang gejala² penyakit dan menyuntuk orang² Haji jika di-fikirkan-nya suntekan itu perlu.

(4) Jika sekshen ini tidak di-patohi, nakhoda dan pemunya kapal itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebih daripada dua ribu lima ratus ringgit.

55. Semua orang² Haji yang melakukan pelayaran di-dalam sa-sabuah kapal Haji ada-lah mempunyai tanggungan supaya membenarkan diri-nya di-suntuk jika pegawai perubatan berpendapat bahawa suntekan itu perlu, dan

Orang² Haji hendak-lah membenarkan diri-nya supaya di-suntuk.

mana² orang Haji yang tidak mahu membenarkan diri-nya supaya di-suntek apabila di-kehendaki sa-demikian itu boleh di-tahan di-dalam rumah-sakit kapal itu.

Buku chatitan harian dan laporan pegawai² perubatan.

56. (1) Pegawai atau pegawai² perubatan bagi tiap² kapal Haji hendak-lah menyimpan buku² chatitan harian dan menyerahkan laporan² atau lain² penyata sa-bagaimana yang di-tetapkan.

(2) Sa-saorang pegawai perubatan bagi sa-sabuah kapal Haji yang tidak mematohi peruntukan sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada tiga bulan, atau kedua²-nya.

Langkah² menchegeh di-kehendaki di-masokkan dalam buku log.

57. (1) Nakhoda hendak-lah memasokkan ka-dalam buku log suatu chatitan mengenai segala langkah menchegeh yang di-ambil dalam masa pelayaran itu.

(2) Nakhoda hendak-lah, jika di-kehendaki, menyerahkan buku log-nya untok di-pereksa oleh Shahbandar atau Pegawai Kesihatan Pelabohan di-mana² pelabohan di-Malaysia sama ada pelabohan itu ada-lah sa-buah pelabohan persinggahan atau pelabohan tempat tuju yang akhir.

(3) Sa-saorang nakhoda kapal Haji yang tidak mematohi peruntukan sekshen-kechil (1) atau sekshen-kechil (2) ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit.

Deposit.

58. (1) Tiap² pemunya sa-buah atau beberapa buah kapal Haji atau ejen-nya yang tinggal di-Malaysia hendak-lah mendeposit dan terus mempunyai deposit dengan Setia-usaha Perbendaharaan—

(a) wang tunai sa-jumlah sa-juta ringgit atau sa-jumlah yang kurang daripada itu sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Setia-usaha Perbendaharaan; atau

(b) chagaran yang bernilai sa-banyak itu dan yang di-luluskan oleh Setia-usaha Perbendaharaan.

(2) Deposit tersebut hendak-lah di-pegang sa-bagai suatu chagaran bagi pelaksanaan atau pematohan dengan sa-patut-nya tanggongan² yang di-kenakan oleh sekshen-kechil (1) sekshen 59, dan jika pemunya atau ejen-nya yang tinggal di-Malaysia tidak dapat melaksanakan atau mematohi mana² tanggongan yang di-kenakan oleh perenggan (a) atau

(b) sekshen-kechil (1) sekshen 59, pemunya atau ejen itu hendak-lah meluchutkan hak wang-nya sa-banyak tidak lebih daripada tiga ribu ringgit kapada Kerajaan sa-bagai-mana yang di-arah oleh Menteri.

(3) Orang yang membuat deposit itu ada-lah berhak menerima bunga yang terkumpul mengenai chagaran itu atau, bagi deposit wang tunai, bunga mengikut kadar dua peratus sa-tahun.

(4) Ada-lah sah bagi Setia-usaha Perbendaharaan dari sa-masa ka-samasa memotong daripada deposit itu sa-jumlah wang yang di-kehendaki—

(a) bagi mendapatkan jumlah wang yang telah di-luchutkan hak-nya di-bawah sekshen-kechil (2);

(b) bagi membayar apa² wang yang di-tuntut oleh Menteri di-bawah peruntokan perenggan (b) sekshen-kechil (1) sekshen 59;

(c) bagi membayar apa² wang yang kena di-bayar kapada Duta atau Konsol Malaysia di-Jeddah di-bawah peruntokan perenggan (c) sekshen-kechil (1) sekshen 59; dan

(d) bagi membayar balek apa² wang yang telah di-bayar oleh Kerajaan di-bawah peruntokan sekshen-kechil (2) sekshen 61 atau sekshen-kechil (7) sekshen 75:

Dengan syarat bahawa jika kesemua atau sa-bahagian daripada deposit itu ada-lah berupa chagaran, Setia-usaha Perbendaharaan boleh menghasilkan chagaran² itu sa-takat yang menchukupi bagi mendapatkan jumlah wang yang di-kehendaki di-potong di-bawah sekshen-kechil ini.

(5) Apa² pertikaian atau perselisihan yang terbit daripada sa-suatu potongan yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (4) hendak-lah di-rujuk kapada timbangtara, dan peruntokan² Ordinance Timbangtara, 1950, hendak-lah di-pakai terhadap tiap² timbangtara itu.

12 tahun
1950.

59. (1) Tiap² pemunya sa-buah atau beberapa buah kapal Haji, atau ejen-nya yang tinggal di-Malaysia, hendak-lah bertanggung-jawab kapada Kerajaan bagi pelaksanaan dan pematohan dengan sa-patut-nya tanggungan² berikut berhubung dengan tiap² pelayaran kapal Haji itu—

Tanggungan
pemunya.

(a) bahawa nakhoda kapal dan pegawai atau pegawai² perubatan hendak-lah mematohi Act ini dan mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya;

(b) bahawa jika sa-saorang Haji yang di-beri suatu teket pergi-balek yang di-keluarkan di-Malaysia dalam tempoh dua belas bulan yang terdahulu di-tahan di-Jeddah atau Mekah oleh kerana kehabisan tempat dalam sa-sabuah kapal yang bagi-nya teket itu di-beri, bagi sa-lama tempoh yang lebeh lama daripada tiga puluh lima hari dari hari menunaikan Haji, atau jika sa-saorang Haji yang telah melawat Medina di-tahan di-Jeddah, oleh kerana kehabisan tempat dalam sa-sabuah kapal yang bagi-nya teket itu di-beri, bagi sa-lama tempoh yang lebeh lama daripada dua puluh hari dari hari orang Haji itu menyerahkan teket-nya kepada Duta atau Konsol Malaysia di-Jeddah, menyatak-kan kehendak-nya menaiki kapal itu untuk perjalanan balek, nakhoda, pemunya atau ejen kapal yang membawa orang Haji itu ka-Jeddah hendak-lah meluchutkan hak wang-nya dan membayar kepada Menteri bagi tiap² orang Haji itu sa-jumlah wang yang di-tuntut oleh Menteri sa-bagai belanja menghantar balek orang Haji itu ka-negeri-nya :

Dengan syarat bahawa tuntutan itu tidak-lah boleh lebeh daripada dua kali ganda wang yang di-terima oleh nakhoda, pemunya atau ejen itu bagi teket pergi-balek itu;

(c) bahawa jika sa-saorang Haji itu di-tahan bagi sa-lama tempoh yang lebeh lama daripada yang di-benarkan oleh perenggan (b), nakhoda, pemunya atau ejen kapal yang membawa orang Haji itu ka-Jeddah hendak-lah membayar kepada Duta atau Konsol Malaysia di-Jeddah sa-jumlah wang yang sa-nilai dengan dua ringgit Malaysia sa-hari sa-bagai elaun penyaraan bagi tiap² sa-orang Haji itu sa-hingga orang Haji itu berpeluang di-hantar balek ka-Malaysia :

Dengan syarat bahawa—

(i) bilangan tiga puluh lima hari atau dua puluh hari itu tidak-lah boleh mula berjalan sa-lagi Pelabohan Jeddah di-ishtiharkan sa-bagai di-serang penyakit atau sa-lagi kapal itu tertahan daripada membawa orang² Haji dalam pelayaran pulang ka-tanah ayer oleh kerana kekacauan perang, atau *vis major* dari jenis apa jua; dan

(ii) jika kapal itu tertahan bagi tempoh sa-
lama lebih lama daripada tempoh tiga
puluh lima hari atau dua puluh hari
yang tersebut, mengikut mana yang
berkenaan, oleh kerana sa-suatu sebab
yang di-atas daripada membawa orang²
Haji itu dalam pelayaran pulang ka-
tanah ayer, nakhoda, pemunya atau
ejen kapal itu boleh membayar kepada
tiap² orang Haji itu atau kepada
Menteri bagi pihak orang Haji tersebut,
sa-jumlah wang yang bersamaan dengan
sa-tengah tambang penoh yang di-
bayar mengenai orang Haji tersebut,
dan sa-telah itu segala tanggungan
nakhoda, pemunya atau ejen itu ber-
kenaan dengan pelayaran pulang orang
Haji itu hendak-lah terhenti.

(2) Suatu perakuan mengenai penahanan itu yang berupa
di-tandatangani dan di-meteri dengan meteri konsol oleh
Duta atau Konsol Malaysia di-Jeddah hendak-lah di-terima
sa-bagai keterangan mengenai segala perkara yang tersebut
di-dalam-nya dan hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan
dalam mana² Mahkamah di-Malaysia atau dalam sa-suatu
timbangtara dengan tidak menghendaki bukti mengenai
tandatangan.

60. (1) Apabila deposit yang tersebut dalam seksyen 58
telah di-buat, Setia-usaha Perbendaharaan hendak-lah jika
di-kehendaki, memperakui dengan bertulis bahawa deposit
itu telah di-buat.

Perakuan.

(2) Pegawai kastam yang hak tidak-lah boleh memberi
kebenaran supaya belayar dari pelabohan kepada sa-sabuah
kapal Haji yang meneruskan pelayaran-nya dari sa-buah
pelabohan di-Malaysia sa-hingga nakhoda, pemunya atau
ejen kapal itu menyerahkan perakuan Setia-usaha Per-
bendaharaan itu untuk di-pereksa.

61. (1) Jika sa-sabuah kapal Haji membawa sa-bilangan
orang² Haji yang lebih ramai daripada—

Penalti
kerana
membawa
orang² Haji
dengan
melebehi
bilangan
yang di-
benarkan.

(i) bilangan yang di-nyatakan dalam perakuan yang
tersebut dalam perenggan (a) seksyen-kecil (1)
seksyen 33, atau

(ii) bilangan yang tersebut dalam Perakuan A menurut
perenggan (c) seksyen-kecil (1) seksyen 33,

mengikut mana bilangan yang lebeh kechil, nakhoda dan pemunya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima puluh ringgit, bagi tiap² orang Haji yang lebeh daripada bilangan itu, dan nakhoda itu apabila di-thabitkan boleh-lah juga di-kenakan penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada sa-minggu bagi tiap² sa-orang Haji itu:

Dengan syarat bahawa jumlah tempoh penjara yang di-kenakan ka-atas nakhoda atau pemunya di-bawah sekshen ini tidak-lah boleh lebeh daripada enam bulan.

(2) Shahbandar boleh menyebabkan semua orang Haji yang lebeh daripada bilangan yang di-benarkan di-bawah sekshen-kechil (1) supaya turun dari kapal itu dan boleh menghantar mereka ka-mana² pelabohan di-mana mereka telah mengikat janji supaya di-daratkan dan mendapatkan belanja bagi menghantar mereka ka-pelabohan itu daripada pemunya kapal itu.

(3) Sa-suatu perakuan yang di-tandatangani oleh Shahbandar ada-lah bukti mu'tamad mengenai jumlah belanja yang di-lakukan di-bawah sekshen-kechil (2).

Penalti
kerana men-
daratkan
orang Haji
di-suatu
tempat lain
daripada
tempat yang
ia telah
mengikat
janji supaya
di-daratkan.

62. Nakhoda sa-sabuah kapal Haji yang mendaratkan sa-orang Haji di-mana² pelabohan atau tempat yang lain daripada pelabohan atau tempat yang orang Haji itu telah mengikat janji supaya di-daratkan, kechuali dengan persetujuan terlebih dahulu daripada orang Haji tersebut atau kechuali pendaratan itu di-perlukan oleh sebab bahaya² laut atau kemalangan² lain yang tidak dapat di-elak, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan bagi tiap² satu kesalahan itu denda tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada sa-bulan atau kedua²-nya.

Penalti
kerana
membuat
pelayaran
dengan
melanggar
konterek
dengan
orang² Haji.

63. (1) Jika sa-sabuah kapal Haji, kechuali di-sebabkan oleh bahaya² laut atau kemalangan² lain yang tidak dapat di-elak, singgah di-mana² pelabohan atau tempat dengan melanggar apa² konterek atau perjanjian yang nyata atau di-sifatkan ada dengan orang² Haji mengenai lama-nya masa yang akan di-ambil bagi pelayaran itu sama ada konterek atau perjanjian itu telah di-buat melalui i'lan awam atau dengan jalan lain, nakhoda dan pemunya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan tiap² sa-orang boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada tiga bulan atau kedua²-nya.

(2) Sa-kara-nya tiada apa² perjanjian yang berlawanan, tiada-lah apa² yang terkandung di-dalam ini boleh menahan mana² perahu-an yang tidak di-gunakan sa-mata² untuk membawa orang² Haji daripada singgah di-mana² pelabohan yang tidak lebeh daripada sa-ratus batu di-luar jalan pelayaran-nya bagi maksud mengisi arangbatu atau memuat atau memunggah barang²:

Dengan sharat bahawa tiada-lah boleh mana² kapal itu berada di-pelabohan tersebut sa-lama lebeh daripada empat puluh lapan jam.

64. Nakhoda tiap² kapal Haji hendak-lah membayar kesemua jumlah chukai² kebersehan yang di-kenakan oleh pehak-berkuasa yang sah apabila tiba di-pelabohan² yang di-lawati, dan hanya bayaran² ini sahaja-lah yang termasuk dalam harga teket yang di-keluarkan kepada orang² Haji.

Chukai kebersehan kena di-bayar oleh nakhoda.

65. (1) Jika sa-sabuah kapal Haji yang membawa orang² Haji dari sa-suatu pelabohan atau tempat ka-sasuat pelayaran atau tempat di-Malaysia di-dapati dalam keadaan kotor atau tidak berseh apabila ia tiba di-Malaysia, nakhoda kapal itu apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit.

Penalti kerana membawa orang² Haji di-dalam kapal yang tidak berseh.

(2) Pegawai Kesihatan Pelabohan hendak-lah memeriksa tiap² kapal tersebut apabila kapal itu tiba, bagi menentukan keadaan kebersehan-nya.

66. Semua tanggungan yang di-kenakan oleh Act ini atau oleh mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ka-atas kapal² Haji yang meneruskan pelayaran-nya dari Malaysia dengan membawa orang² Haji ka-Hedjaz hendak-lah di-pakai bagi kapal² Haji yang meneruskan pelayaran-nya ka-Malaysia dengan membawa orang² Haji dari Hedjaz, melainkan jika ada di-sebutkan dengan nyata-nya atau difahamkan sa-mesti-nya sa-bagai ada bahawa sa-suatu tanggungan itu di-pakai hanya bagi pelayaran dari Malaysia sahaja.

Tanggungan mengenai pelayaran pulang ka-tanah ayer.

67. (1) Pemunya, nakhoda atau ejen sa-sabuah kapal Haji yang belayar ka-Malaysia dengan membawa orang² Haji dari Hedjaz, hendak-lah memberi notis tidak kurang daripada tiga hari genap mengenai ketibaan kapal itu kepada Shahbandar dan Pemeriksa Kapal di-pelabohan persinggahan yang pertama di-Malaysia dan hendak-lah juga memberitahu Pegawai Kesihatan Pelabohan keadaan kesihatan dalam kapal itu sa-kurang²-nya dua puluh empat jam sebelum tiba.

Pemeriksaan apabila tiba dari Hedjaz.

(2) Kapal itu apabila tiba hendak-lah di-pereksa oleh Shahbandar dan Pemereksa Kapal.

(3) Pemereksa Kapal hendak-lah sa-lepas melakukan pemereksaan memberi kapada nakhoda kapal itu suatu laporan yang di-tandatangani (bernama Laporan A) mengenai tiap² satu hal, *mutatis mutandis*, yang di-nyatakan dalam sekshen-kechil (1) sekshen 33.

(4) Shahbandar hendak-lah sa-lepas melakukan pemereksaan memberi kapada nakhoda kapal itu suatu laporan yang di-tandatangani (bernama Laporan B) mengenai tiap² satu hal, *mutatis mutandis*, yang di-nyatakan dalam sekshen-kechil (2) sekshen 33.

(5) Bagi tiap² laporan yang di-beri oleh Shahbandar atau Pemereksa Kapal di-bawah sekshen ini, pemunya, nakhoda atau ejen kapal Haji yang berkenaan dengan-nya laporan itu di-beri hendak-lah membayar bayaran sa-bagaimana yang di-tetapkan.

BAHAGIAN 7

ORANG HAJI

Orang Haji hendak-lah mempunyai paspot Haji.

68. Tiada-lah boleh sa-saorang Haji itu belayar atau men-chuba belayar dalam sa-buah kapal Haji kechuali ia ada dalam milek-nya suatu paspot Haji yang telah di-keluarkan dengan sempurna-nya kapada-nya.

Pemerek-saan doktor dan kebenaran di-kehen-daki sa-belum naik kapal.

69. (1) Tiada-lah boleh sa-saorang Haji itu di-terima ka-dalam kapal Haji di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia sa-hingga—

- (a) ia telah di-pereksa oleh Pegawai Kesihatan Pela-bohan;
- (b) Shahbandar telah memberi kebenaran bagi orang² Haji mula menaiki kapal;
- (c) ia telah mendapat suatu paspot Haji dan teket pergi-balek; atau
- (d) bagi sa-saorang Haji yang telah di-beri kebenaran bertulis di-bawah sekshen-kechil (1) sekshen 75 ia telah mendapat suatu paspot Haji dan teket untuk perjalanan pergi sahaja.

(2) Pegawai Kesihatan Pelabohan tidak-lah boleh mem-benarkan naik sa-saorang Haji—

- (a) yang tidak menunjokkan suatu perakuan sah yang di-keluarkan oleh sa-orang Pegawai Perubatan dan Kesihatan Kerajaan atau sa-orang Pegawai Kesihatan Perbandaran menunjokkan bahawa suatu suntekan telah di-lakukan terhadap chachar

dan ta'un sa-bagaimana di-tetapkan oleh Kerajaan Saudi Arabia dari sa-masa ka-samasa mengikut "Kehendak² Perakuan Suntekan bagi Perjalanan Antarabangsa" yang di-siar oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia:

Dengan syarat bahawa bagi penyakit chachar tiada-lah di-kehendaki apa² perakuan daripada orang² Haji yang ada tanda² yang pada pendapat Pegawai Kesihatan Pelabohan ada-lah tidak shak lagi sa-bagai tanda² yang ia telah mendapat penyakit chachar;

(b) yang pada pendapat Pegawai Kesihatan Pelabohan itu ada mengidap sa-suatu penyakit atau terdapat gejala² penyakit yang ada-nya ia di-dalam kapal Haji itu akan membahayakan atau akan dibantah oleh orang² Haji yang lain; atau

(c) yang pada pendapat Pegawai Kesihatan Pelabohan akan memindahkan sa-suatu penyakit yang merebak dan berjangkit.

(3) Segala barang yang telah di-chemar oleh orang² yang mengidap penyakit atau yang di-shaki sa-bagai telah di-chemar sa-demikian hendak-lah sa-belum di-bawa ka-dalam sa-sabuah kapal Haji di-buboh penchegah-jangkit hingga memuaskan hati Pegawai Kesihatan Pelabohan.

70. Sa-saorang Haji yang menaiki atau menchuba menaiki sa-sabuah kapal Haji di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia—

Penalti kerana naik kapal dengan melanggar seksyen 69.

(a) dengan tidak mendapatkan perakuan² yang di-kehendaki dalam perenggan (a) seksyen-kecil (2) seksyen 69;

(b) dengan tidak membenarkan diri-nya di-pereksa oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan; atau

(c) sa-belum Shahbandar memberi kebenaran bagi orang² Haji mula menaiki kapal,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada saratus ringgit.

71. (1) Suatu pemereksaan doktor ka-atas semua orang dalam kapal boleh-lah di-lakukan oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan—

Pemereksaan doktor sa-lepas naik kapal dalam hal² tertentu.

(a) jika sa-sabuah kapal Haji tidak meneruskan pelayaran-nya dalam masa empat puloh lapan jam sa-telah semua orang² Haji di-terima masok ka-dalam kapal; atau

(b) jika ada sebab bagi mengshaki bahawa mana² orang dalam kapal itu mengidap penyakit yang merebak atau berjangkit.

(2) Sa-siapa yang di-dapati apabila pemereksaan dilakukan mengidap penyakit atau yang menunjukkan gejala² penyakit itu hendak-lah dengan serta merta di-turunkan dari kapal itu bersama dengan barang² kepunyaan-nya.

Pemereksaan doktor ka-atas perempuan.

72. Sa-takat mana yang boleh dan terta'alok kapada mana² peratoran yang di-buat di-bawah Act ini, pemereksaan doktor ka-atas orang² Haji perempuan hendak-lah di-lakukan oleh orang perempuan.

Penalti kerana melanggar seksyen 69 atau 71.

73. Sa-saorang nakhoda kapal Haji yang—

(a) dengan mengetahui menerima naik ka-kapal mana² orang Haji atau apa² barang yang terchemar dengan melanggar seksyen 69; atau

(b) maseh menempatkan di-dalam kapal mana² orang Haji atau barang yang di-perintah supaya di-turunkan di-bawah seksyen 71 Act ini,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap² orang Haji dan denda tidak lebeh daripada dua puluh lima ringgit bagi tiap² satu barang yang di-terima atau maseh di-tempatkan di-dalam kapal itu, atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada tiga bulan atau kedua²-nya.

Kesalahan.

74. (1) Jika dalam sa-sabuah kapal Haji—

(a) mana² orang Haji sa-telah di-beri amaran oleh nakhoda atau lain² pegawai-nya mengganggu atau terus mengganggu mana² orang Haji yang lain;

(b) sa-siapa sa-telah tidak di-beri masok ka-dalam sa-sabuah kapal Haji oleh pemunya-nya atau mana² orang yang bekerja dengan-nya oleh kerana kapal itu sudah penoh dan sa-telah wang tambang-nya, jika telah di-bayar, di-kembalikan atau di-beri kapada-nya, terus berdegil menchuba masok ka-dalam kapal itu;

(c) sa-siapa yang telah naik ka-dalam sa-sabuah kapal Haji di-mana² tempat dan sa-telah di-minta oleh pemunya-nya atau mana² orang yang bekerja dengan-nya supaya meninggalkan kapal sa-belum ia meninggalkan tempat itu oleh kerana

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

37

kapal itu sudah penuh, dan sa-telah wang tambang-nya, jika telah di-bayar, di-kembalikan atau di-beri kapada-nya, tidak mematohi permintaan itu;

(d) sa-siapa yang belayar atau menchuba belayar di-dalam sa-sabuah kapal Haji dengan tiada mempunyai suatu paspot Haji atau dengan tidak membayar tambang-nya terlebih dahulu dan dengan niat hendak mengelakkan daripada membayar-nya; dan

(e) sa-siapa yang, apabila di-minta oleh nakhoda atau lain² pegawai-nya tidak membayar tambang-nya atau menunjokkan teket atau paspot Haji-nya,

maka orang Haji atau orang itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua puluh ringgit bagi tiap² satu kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa tanggungan itu tidak-lah akan menyentoh hak untuk mendapatkan apa² tambang yang kena di-bayar oleh-nya.

(2) Sa-saorang Haji yang dengan sengaja melaku atau menyebabkan supaya di-lakukan sa-suatu dengan chara yang—

(a) menggalang atau merosakkan mana² bahagian jentera atau alat sa-sabuah kapal Haji; atau

(b) menggalang, mengendalakan atau mengganggu keru atau sa-saorang daripada-nya tatkala memandu pelayaran atau menguruskan kapal itu atau pun tatkala menjalankan kewajipan² mereka di-dalam atau berdekatan dengan kapal itu,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus ringgit bagi tiap² satu kesalahan itu.

(3) Nakhoda atau lain² pegawai kapal Haji dan sakalian orang yang di-minta untok membantu-nya boleh dengan tiada waran menahan sa-siapa yang melakukan sa-suatu kesalahan terhadap sekshen ini atau sekshen 70 dan hendaklah membawa pensalah itu dengan sa-berapa segera yang boleh ka-hadapan mahkamah Mejisteret supaya di-bicharkan mengikut undang², dan mahkamah itu hendaklah dengan sa-berapa segera yang boleh membicharkan kes itu sa-chara terus.

(4) Sa-siapa yang—

(a) melakukan suatu kesalahan terhadap sekshen ini; dan

(b) enggan, atas permintaan nakhoda kapal Haji itu atau mana² orang lain yang bekerja dengan pemunya kapal itu, memberi nama dan 'alamat-nya, atau pun memberi sa-suatu nama atau 'alamat palsu,

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua ratus ringgit.

Mengeluar
dan
menunjuk-
kan teket²
dan mem-
bayar balek
wang
tambang.

75. (1) Terta'alok kapada peruntokan² yang terkandung kemudian daripada ini, tiap² pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji yang mengeluarkan kapada sa-saorang Haji suatu teket bagi pelayaran ka-Hedjaz hendak-lah juga mengeluarkan kapada orang Haji itu suatu teket bagi pelayaran balek dan jika ia tidak berbuat demikian ia ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini:

Dengan syarat bahawa suatu teket bagi pelayaran balek tidak-lah di-kehendaki di-keluarkan kapada sa-saorang Haji yang menunjukkan suatu kebenaran bertulis daripada Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi Negeri di-mana ia biasa-nya tinggal supaya di-keluarkan kapada orang Haji itu suatu teket bagi pelayaran pergi sahaja.

(2) Teket² itu hendak-lah mengikut borang yang di-tetapkan, dan orang Haji itu ada-lah bertanggung-jawab menunjukkan teket² itu kapada pegawai² dan pada masa² yang di-tetapkan.

(3) Tiap² orang Haji yang di-larang menaiki kapal di-bawah sekshen 69, atau yang di-turunkan daripada kapal di-bawah sekshen 71 atau pun yang di-larang meneruskan pelayaran-nya ada-lah berhak mendapat bayaran balek wang tambang yang telah di-bayar-nya, terta'alok kapada syarat² atau potongan² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

(4) Wakil diri yang sah di-sisi undang² bagi sa-saorang Haji yang, sa-telah membeli suatu teket untuk pelayaran balek, mati dalam kapal Haji dalam pelayaran ka-Hedjaz, atau orang yang berhak menjadi wakil diri yang sah di-sisi undang², ada-lah berhak apabila ia menunjukkan teket tambang dan pasport Haji orang Haji itu dan apabila kematian itu di-buktikan mendapat bayaran balek tiga puloh peratus daripada wang tambang yang telah di-bayar oleh orang Haji itu, terta'alok kapada syarat² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

(5) Wakil diri yang sah di-sisi undang² bagi tiap² orang Haji yang, sa-telah membeli suatu teket untok pelayaran balek, mati di-Hedjaz, atau orang yang berhak menjadi wakil diri yang sah di-sisi undang², ada-lah berhak mendapat bayaran balek yang sama saperti yang tersebut dalam sekshen-kechil (4) apabila ia menunjokkan teket tambang dan paspot Haji orang Haji itu bersama dengan perakuan kematian-nya yang di-tandatangani dan di-meteri oleh Pesurohjaya Haji yang bertempat di-Mekah atau lain² pelabohan turun-kapal bagi orang² Haji yang meneruskan pelayaran-nya ka-Hedjaz atau yang di-tandatangani oleh sa-orang pegawai Kedutaan atau Pejabat Konsol Malaysia di-Hedjaz dan di-meteri dengan meteri Kedutaan atau Pejabat Konsol itu.

(6) Orang yang pertama sa-kali bertanggung memberi bayaran balek yang tersebut dalam sekshen-kechil (3), (4) dan (5) ia-lah orang yang kapada-nya wang tambang itu telah di-bayar oleh orang Haji itu, dan jika oleh kerana sa-suatu hal wang yang kena di-bayar oleh orang itu di-bawah sekshen ini tidak boleh langsung di-dapati dalam suatu tempoh yang berpatutan daripada orang itu atau wakil diri-nya yang sah di-sisi undang² dan hal tidak boleh langsung mendapat-nya itu di-perakui oleh sa-orang Ketua Pegawai Polis, maka pemunya atau ejen kapal yang orang Haji itu telah di-larang menaiki-nya atau meneruskan pelayaran-nya atau dari-nya ia telah di-turunkan atau di-dalam-nya ia telah mati atau yang dengan-nya ia telah belayar ka-Hedjaz, mengikut mana yang berkenaan, hendak-lah bertanggung-jawab membuat bayaran balek yang tersebut dalam sekshen-kechil (3), (4) dan (5):

Dengan sharat bahawa jika pemunya atau ejen kapal itu tidak membuat bayaran balek itu dalam masa yang berpatutan maka wang itu boleh-lah di-bayar oleh Kerajaan bagi pehak pemunya itu.

(7) Sa-suatu pembayaran yang di-buat dengan suchi hati kapada sa-saorang yang menunjokkan teket tambang dan paspot Haji sa-saorang Haji yang mati dan yang mengaku diri-nya sa-bagai berhak menjadi wakil diri yang sah di-sisi undang² bagi orang Haji itu atau sa-bagai sa-orang pegawai Kerajaan ada-lah menjadi penyelesaian yang sah bagi orang yang membayar-nya.

(8) Jika sa-siapa, oleh kerana ia ada-lah sa-bagai sa-orang yang berhak menjadi wakil diri yang sah di-sisi undang² bagi sa-saorang Haji yang mati, di-bayar apa² wang, ia hendak-lah menggunakan wang itu atas sifat-nya sa-bagai wakil diri yang sah di-sisi undang² itu.

Harga-nya hendak-lah di-tanda pada teket.

76. (1) Tiada-lah boleh teket tambang di-jual kechuali harga sa-banyak mana teket itu di-jual di-tanda dengan terang-nya pada teket itu dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

(2) Sa-siapa yang melanggar sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah dikenakan denda tidak lebih daripada sa-ratus ringgit.

Tanggungan orang² Haji yang belayar dalam kapal yang bukan kapal Haji.

77. Sa-saorang Haji yang melakukan pelayaran dalam kapal yang bukan kapal Haji dengan menggunakan teket Haji boleh di-kenakan tanggungan² yang di-kenakan oleh Act ini dan oleh mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ka-atas orang² Haji yang melakukan pelayaran dalam sa-sabuah kapal Haji.

BAHAGIAN 8

TEKET HAJI

Pemunya atau ejen hendak-lah mengeluarkan teket.

78. (1) Terta'alok kapada peruntokan² Act ini, tiada sa-siapa pun, kechuali pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji, boleh mengeluarkan sa-suatu teket Haji.

(2) Sa-saorang yang melanggar peruntokan sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini.

Pengeluaran teket² Haji.

79. (1) Sa-suatu teket Haji hendak-lah di-keluarkan hanya kapada sa-saorang yang memileki suatu paspot Haji.

(2) Pemunya atau ejen sa-sabuah kapal Haji hendak-lah, dengan sharat tempat maseh ada, apabila harga teket itu di-bayar dan apabila sa-saorang Haji menunjokkan paspot Haji-nya, mengeluarkan suatu teket Haji kapada orang itu.

Teket Haji tidak boleh di-pindah-milek dan hendak-lah mengikut borang yang di-tetapkan.

80. Sa-suatu teket Haji hendak-lah mengikut borang yang di-tetapkan dan tidak-lah boleh di-pindah-milek.

Daftar teket Haji.

81. (1) Tiap² pemunya kapal Haji yang mengeluarkan teket² Haji hendak-lah menyimpan suatu daftar teket yang di-keluarkan mengikut bentok yang di-tetapkan dan hendak-lah memasokkan di-dalam-nya butir² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

41

(2) Tiap² pemunya atau ejen tersebut hendak-lah menyimpan daftar tersebut supaya dapat di-pereksa pada bila² masa yang berpatutan oleh sa-saorang Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter dan tidak boleh membinasakan daftar tersebut atau menyebabkan atau membenarkan daftar itu di-binasakan sa-hingga habis tempoh lima tahun dari tarikh akhir sa-kali daftar itu digunakan untuk memasokkan sa-suatu chatitan di-dalam-nya.

82. Sa-saorang pemunya atau ejen kapal Haji yang melanggar atau tidak mematohi mana² peruntukan Bahagian ini ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini.

Kesalahan oleh pemunya kapal Haji.

BAHAGIAN 9

EJEN HAJI

83. Terta'alok kapada mana² peratoran yang di-buat oleh Menteri dari sa-masa ka-samasa Lembaga boleh mengambil bekerja orang² yang di-fikirkan-nya patut untuk menjalankan tugas sa-bagai ejen² Haji, mengikut sharat² dan terta'alok kapada sekatan² dan had² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Mengambil bekerja ejen² Haji.

84. Tiap² ejen yang di-ambil bekerja sa-demikian hendak-lah di-berikuasa oleh Lembaga dengan bertulis dan hendak-lah menyatakan—

Pemberian-kuasa dengan bertulis.

(a) nama dan 'alamat ejen itu;

(b) tempoh berapa lama pemberiankuasa itu berkuat-kuasa;

(c) sharat² ia di-ambil bekerja serta sekatan² dan had² yang di-kenakan.

85. Sa-siapa yang bertindak sa-bagai sa-orang ejen Haji tanpa kuasa bertulis daripada Lembaga ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit bagi tiap² satu kesalahan.

Penalti kerana bertindak sa-bagai ejen Haji tanpa kuasa.

86. Mana² ejen Haji yang—

(a) melanggar mana² sharat pemberiankuasa-nya;

(b) dengan tipuan atau pernyataan palsu mendorong sa-saorang Haji supaya membuat pelayaran dengan mana² kapal, lain daripada yang di-tetapan kapada-nya oleh Lembaga,

Tipuan oleh ejen Haji.

ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu

ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebih daripada dua tahun atau kedua²-nya dan sa-lain daripada itu perejenan-nya boleh-lah di-batalkan.

Tanggungan
ejen Haji
kerana
perbuatan
pengkhid-
mat-nya.

87. (1) Mana² ejen Haji yang boleh di-kenakan di-bawah Act ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya apa² hukuman, penalti atau pembatalan apa² perejenan kerana sa-suatu perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keengkarannya, boleh-lah di-kenakan hukuman, penalti atau pembatalan apa² perejenan kerana tiap² perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keengkarannya itu di-pehak mana² kongsi, ejen-kecil, pengkhidmat-nya atau oleh pehak mana² orang lain yang bekerja dengan-nya dalam masa menjalankan urusan-nya sa-bagai ejen Haji.

(2) Tiap² kongsi, ejen-kecil, pengkhidmat atau orang lain yang bekerja dengan sa-saorang ejen Haji dalam masa menjalankan urusan-nya boleh-lah juga di-kenakan tiap² hukuman atau penalti yang di-tetapkan kerana perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keengkarannya yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) sa-olah² ejen-kecil atau pengkhidmat itu ada-lah orang yang telah di-beri perejenan Haji itu.

BAHAGIAN 10

TAMBAHAN

Ma'alumat
di-kehen-
daki di-
hantar ka-
pelabohan²
naik kapal
dan turun
kapal.

88. (1) Shahbandar hendak-lah menghantar suatu laporan mengandongi butir² yang pada pendapat-nya mustahak berkenaan dengan sa-sabuah kapal Haji dan orang² Haji yang di-bawa di-dalam-nya kepada Shahbandar di-pelabohan atau tempat di-mana kapal itu memulakan pelayaran-nya dan kepada Shahbandar di-mana² pelabohan atau tempat lain di-Malaysia di-mana orang² Haji itu atau mana² daripada mereka menaiki kapal atau akan di-turunkan.

(2) Shahbandar, Pegawai Kesihatan Pelabohan atau sa-saorang Pegawai Polis boleh masuk dan memeriksa kapal itu, untuk menentukan sama ada peruntokan² Act ini mengenai bilangan orang² Haji dan perkara² lain telah di-patohi.

Kaedah²
mengira
orang² Haji.

89. Bagi maksud apa² pembicharaan undang² di-bawah Act ini penyata² yang di-serahkan atau di-buat di-bawah seksyen 41, 42, 43 dan 44 hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan, dan tiap² orang yang di-pastikan telah berada dalam sa-sabuah kapal Haji sa-bagai sa-orang penumpang pada bila² masa semenjak kapal itu berlepas dari pelabohan atau tempat akhir-nya hendak-lah di-sifatkan sa-bagai

maseh lagi menjadi sa-orang penumpang apabila kapal Haji itu tiba di-mana² pelabohan atau tempat di-Malaysia, sama ada penumpang itu berada dalam kapal atau tidak apabila kapal Haji itu di-pereksa pada masa tiba-nya itu.

90. Dalam sa-suatu pembicharaan bagi menghukumkan apa² penalti yang di-tanggung di-bawah Act ini—

Keterangan
di-bawah
Act.

(a) apa² suratan yang berupa sa-bagai suatu laporan mengandongi butir² yang tersebut dalam sekshen-kechil (1) sekshen 88;

(b) apa² suratan sa-demikian yang berupa sa-bagai di-buat dan di-tandatangani oleh mana² pegawai sa-sabuah Kedutaan atau Pejabat Konsol Malaysia atau sa-sabuah Kedutaan atau Pejabat Konsol asing; dan

(c) apa² salinan pembicharaan mana² Mahkamah Ke-
adilan yang di-sahkan dengan sempurna-nya,

hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan, jika ia di-dapati telah di-hantar sa-chara rasmi kapada sa-saorang pegawai di-tempat atau berdekatan dengan tempat di-mana pemi-
charaan di-bawah Act ini di-jalankan.

91. Bagi maksud menetapkan bidangkuasa di-bawah Act ini—

Peruntukan
mengenai
bidang-
kuasa.

(a) tiap² kesalahan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-lakukan dan tiap² alasan pengaduan sa-bagai telah terbit sama ada di-tempat di-mana yang demikian sa-benar-nya telah di-lakukan atau telah terbit atau di-mana² tempat di-mana pen-
salah atau orang yang terhadap-nya pengaduan itu di-buat berada;

(b) jika sa-suatu daerah, dalam mana sa-suatu mah-
kamah mempunyai bidangkuasa, sama ada di-
bawah undang² ini atau mana² undang² bertulis
yang lain bagi apa² maksud jua pun, terletak di-
pantai mana² laut atau bersempadankan atau
mengunjor ka-dalam sa-suatu telok, terusan,
tasek, sungai atau lain² perayeran yang boleh di-
gunakan untok pelayaran, maka tiap² mahkamah
itu hendak-lah mempunyai bidangkuasa atas sa-
sabuah kapal yang, berada atau berlaboh atau
yang lalu di-luar pantai itu atau yang berada

dalam atau berdekatan dengan telok, terusan, tasek, sungai atau pelayaran yang boleh di-gunakan untuk pelayaran itu dan atas semua orang yang berada dalam perahu itu atau yang pada masa itu menjadi orang² kapal itu, sa-olah² perahu itu atau orang² itu berada di-dalam kawasan bidangkuasa asal mahkamah itu.

Penalti am.

92. Sa-siapa yang melakukan sa-suatu kesalahan terhadap Act ini dan tiada apa² penalti yang tertentu di-peruntukkan bagi kesalahan itu boleh, apabila di-thabitkan, di-kenakan—

- (a) bagi sa-suatu kesalahan yang pertama, suatu denda tidak lebeh daripada dua ratus lima puluh ringgit; dan
- (b) bagi kesalahan yang kedua atau sa-terus-nya, suatu denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit atau penjara bagi tempoh sa-lama tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua²-nya.

Kuasa Lembaga membuat peratoran² dan menuboh perbadanan.

93. (1) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri membuat peratoran²—

- (a) berkenaan dengan apa² perkara berhubung dengan penubohan Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan yang tersebut dalam Bahagian 4 dan berkenaan dengan achara Jawatan-kuasa² itu;
- (b) mengenakan bayaran bagi perkara² yang di-tentukan oleh Lembaga;
- (c) bagi menyenggara, menutup dan mengodit akaun² Lembaga;
- (d) bagi menetapkan achara-nya sendiri termasuk achara² berkenaan dengan meminjam wang;
- (e) mengenai deposit dan mengeluarkan wang dari Kumpulan-wang Simpanan;
- (f) menetapkan tanggong-jawab dan kawalan terhadap pegawai² dan pengkhidmat² Lembaga dan berkenaan dengan gaji, elaun, sharat² perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan chuti bagi pegawai² dan pengkhidmat²-nya;
- (g) bagi menetapkan chara bagaimana suratan², chek² dan suratchara² dari apa² jenis hendak di-tandatangani atau di-sempurnakan bagi pehak Lembaga;
- (h) bagi menetapkan alat² pelayaran dan alat² lain yang di-kehendaki di-lengkapkan dalam kapal² Haji;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

45

- (i) bagi menetapkan alat dan pengawasan yang akan di-ambil bagi menchegehah dan memadamkan api dalam kapal;
- (j) bagi menetapkan bot² dan alat² penyelamat lain, dan chara membuat semboyan sesak yang akan di-adakan dan pengawasan yang akan di-ambil untuk menjamin keselamatan penumpang;
- (k) bagi menetapkan sekil dan chara bagaimana makanan dan ayer hendak di-bekalkan kepada orang² Haji dan mutu makanan dan ayer itu;
- (l) bagi menetapkan mutu, kuantiti dan pembekasan barang² yang hendak di-bawa;
- (m) bagi menetapkan bilangan luas tempat permukaan dan luas-nya mengikut kira kaki padu yang akan di-adakan dalam dek²-antara atau dalam binaan² atas bagi orang² Haji bagi tiap² kelas atau chara bagaimana sa-suatu sistem tempat tidor di-pasang;
- (n) membuat peruntukan bagi menguntokkan tempat dek atas di-antara berbagai² kelas orang² Haji;
- (o) bagi menetapkan banyak-nya dan membuat peruntukan bagi menempatkan barang² orang Haji;
- (p) bagi menetapkan jenis dan banyak-nya tempat dalam rumah-sakit dan barang² perubatan, penchegehah jangkit dan alat² dan perpasangan lain yang akan di-lengkapkan dalam kapal bagi menjaga kesihatan, kebersehan dan kesopanan;
- (q) bagi menetapkan berat mengikut kira tan dan kuasa setim yang di-kehendaki bagi kapal² Haji dan juga pelayaran² bagi mana dan musim² bila kaedah² mengenai berat mengikut kira tan dan kuasa setim akan di-pakai;
- (r) bagi menetapkan kelulusan pegawai² perubatan, bilangan atendan yang akan di-bawa dan buku² chatitan harian, laporan² dan lain² penyata yang di-kehendaki di-simpan atau di-hantar oleh pegawai² perubatan;
- (s) bagi menetapkan chara bagaimana barang² yang terchemar hendak di-buboh penchegehah jangkit sa-belum di-bawa naik ka-dalam sa-sabuah kapal Haji;
- (t) bagi membuat peruntukan mengenai chara bagaimana dan oleh siapa pemereksaan doktor hendak di-lakukan ka-atas perempuan²;

- (u) bagi membuat peruntukan mengenai chara bagaimana teket² Haji hendak di-beri dan juga chara bagaimana teket² itu hendak di-tunjokkan kepada pegawai² awam di-Malaysia dan di-Jeddah atau di-pelabohan² turun-kapal yang lain, syarat² dan lain² hal yang di-kehendaki di-nyatakan dalam teket² itu dan jumlah chukai² kebersehan yang akan di-masokkan dalam harga-nya;
- (v) bagi menetapkan tugas² nakhoda, pegawai atau pegawai² perubatan dan pegawai² lain dalam masa pelayaran;
- (w) bagi menetapkan kawasan tempatan di-mana, dan masa dan chara orang² Haji akan menaiki kapal atau turun-kapal di-mana² pelabohan atau tempat yang di-tetapkan di-bawah Act ini bagi maksud itu;
- (x) bagi menetapkan masa bila sa-sabuah kapal Haji di-kehendaki berlepas atau meneruskan pelayaran-nya sa-telah mula menerima masok orang² Haji ka-dalam kapal, dan antara jam berapa-kah kapal itu akan meninggalkan pelabohan;
- (y) bagi membuat peruntukan untuk mengeluarkan paspot Haji;
- (z) bagi menetapkan orang² yang boleh mengeluarkan paspot Haji dan syarat² yang mengikut-nya paspot Haji boleh di-keluarkan;
- (aa) bagi membuat peruntukan untuk mengeluarkan teket² Haji;
- (bb) bagi membuat peruntukan untuk menuboh, mengawal dan menguruskan peremis di-mana orang² Haji di-beri tempat tumpangan, makanan atau rumah dan bayaran² yang di-kehendaki di-kenakan;
- (cc) bagi menetapkan bayaran yang di-kehendaki dikenakan bagi paspot Haji dan bagi mengeluarkan sa-suatu pemberiankuasa bertulis, memberi sa-suatu perakuan atau laporan di-bawah Act ini;
- (dd) bagi membuat peruntukan untuk menuboh dan mengurus suatu kumpulan-wang simpanan pencharum bagi pegawai² yang di-lantek mengikut peruntukan² Act ini, atau bagi bayaran penchen, elaun atau ganjaran kepada pegawai² yang bersara atau pun terhenti daripada memegang jawatan sa-bagai pegawai;

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

47

(ee) bagi menetapkan achara memberi pinjaman kepada pegawai² dan pengkhidmat² yang di-lantek mengikut peruntukan² Act ini dengan tujuan untuk memperoleh bangunan atau membeli rumah atau memperoleh kenderaan bagi kegunaan diri-nya :

Dengan syarat bahawa sa-kira-nya Lembaga meminjamkan wang kepada sa-saorang pegawai atau pengkhidmat dengan tujuan untuk memperoleh sa-buah bangunan atau membeli sa-buah rumah, bangunan atau rumah itu termasuk tanah-nya hendak-lah di-gadaijanjikan kepada Lembaga sa-bagai chagaran bagi pinjaman itu;

(ff) bagi menetapkan apa² jua yang boleh di-tetapkan di-bawah Act ini.

(2) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan dari sa-masa ka-samasa menubuhkan suatu perbadanan dengan apa jua nama sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Lembaga bagi menjalankan dan menjaga, menjalankan dan mengurus apa² projek, sekim atau usaha yang telah di-ranchang atau di-jalankan oleh Lembaga; dan peruntukan² dalam Jadual Ketiga hendak-lah di-pakai bagi perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen-kecil ini.

94. Segala kaedah² dan perlantekan yang di-keluarkan atau di-buat dan apa² jua kebenaran bertulis yang di-keluarkan mengikut undang² bertulis yang di-mansokhkan oleh Act ini hendak-lah terus berkuatkuasa, sa-takat mana ia tidak berlawanan dengan peruntukan² Act ini, sa-hingga di-batalkan atau di-ganti oleh peratoran² atau perlantekan² yang di-buat atau kebenaran bertulis yang di-keluarkan di-bawah Act ini.

Kechualian bagi kaedah² dan perlantekan.

BAHAGIAN 11

PERALEHAN

95. Apabila Act ini mula berkuatkuasa (kemudian daripada ini di-sebut sa-bagai "hari yang di-tetapkan")—

(i) Act Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji Tanah Melayu, 1962 (dalam Bahagian ini di-sebut sa-bagai "Act tersebut") hendak-lah berhenti daripada berkuatkuasa dan terhenti-nya itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu peman-sokhan Act tersebut bagi maksud Act Tafsiran, 1967;

Peman-sokhan Act Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji Tanah Melayu. 34 tahun 1962. 26 tahun 1967.

(ii) Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji Tanah Melayu (dalam Bahagian ini di-sebut sa-bagai "Perbadanan") ia-itu suatu pertubohan perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah Act tersebut hendak-lah demikian itu terbubar.

Meneruskan
undang²,
dsb.

96. (1) Terta'alok kapada peruntokan² Act ini, segala undang² bertulis, perintah, kaedah dan peratoran mengenai Perbadanan itu dan yang berkuatkuasa sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan hendak-lah, sa-hingga di-pinda atau di-batalkan oleh pehak-berkuasa yang mempunyai kuasa berbuat demikian, terus berkuatkuasa pada dan sa-lepas hari yang di-tetapkan itu dan hendak-lah di-ertikan sa-olah² Act ini belum lagi di-luluskan :

Dengan sharat bahawa apa² sebutan mengenai Perbadanan dalam Act tersebut melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain hendak-lah di-ertikan sa-bagai sebutan² mengenai Lembaga itu, dan per-bahasaannya yang membawa erti sebutan itu hendak-lah di-ertikan dengan sa-wajar-nya.

(2) Segala perintah, arahan, perlantekan, pemberitahu, kaedah dan peratoran yang di-buat di-bawah peruntokan² Act tersebut dan yang berkuatkuasa sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu hendak-lah, sa-takat mana ia tidak berlawanan dengan peruntokan² Act ini, di-sifatkan sa-bagai telah di-buat di-bawah Act ini dan hendak-lah terus berkuatkuasa sa-hingga peruntokan² lain di-buat di-bawah Act ini atau sa-hingga tarikh habis tempoh-nya.

Pindahan
kuasa, hak,
tanggungan
dan
kewajipan.

97. Terta'alok kapada peruntokan² Act ini, segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu ada-lah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan Perbadanan hendak-lah mula² dari hari itu turun kapada Lembaga.

Pindahan
harta.

98. (1) Terta'alok kapada peruntokan² Act ini, segala tanah yang sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu terletak hak pada Perbadanan atau di-rizabkan menurut peruntokan² mana² undang² bertulis berhubung dengan tanah bagi maksud Perbadanan hendak-lah, pada hari itu, mengikut mana yang berkenaan, terletak hak pada Lembaga atau di-sifatkan sa-bagai di-rizabkan bagi maksud Lembaga.

(2) Terta'alok kapada peruntokan² Act ini dan kapada apa² arahan Menteri, segala harta dan aset kechuali tanah yang sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu terletak hak pada Perbadanan atau pada mana² orang bagi pehak Perbadanan hendak-lah pada hari itu terletak hak pada Lembaga.

99. Terta'alok kepada peruntokan² Act ini, segala surat-ikatan, bon, perjanjian, suratchara dan perkiraan kerja yang ada sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu dan mengenai mana² harta yang di-pindah-milek di-bawah sekshen 98 hendak-lah berkuatkuasa sa-penoh-nya terhadap atau bagi faedah Lembaga dan boleh di-kuatkuasakan dengan sa-penoh-nya dan dengan berkesan sa-olah², sa-bagai ganti Perbadanan, atau mana² orang yang bertindak bagi pehak Perbadanan, Lembaga telah dinamakan di-dalam-nya atau telah menjadi suatu pehak bagi-nya.

Konterek²
yang ada.

100. (1) Terta'alok kepada peruntokan² Act ini, peman-sokhan Act tersebut atau apa² jua yang terkandung dalam Act ini tidak boleh menyentoh tanggungan sa-saorang untok di-da'awa atau di-hukum kerana kesalahan² yang di-lakukan di-bawah Act tersebut sa-belum hari yang di-tetapkan, atau apa² pembicharaan yang di-bawa atau apa² hukuman yang di-kenakan sa-belum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

Penerusan
pem-
bicharaan
jenayah
dan sivil.

(2) Terta'alok kepada peruntokan² Act ini, apa² pembicharaan (sama ada sivil atau jenayah) atau alasan tindakan yang belum selesai atau yang ada sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu sama ada di-bawa oleh atau terhadap Perbadanan atau mana² orang yang bertindak bagi pehak Perbadanan boleh di-teruskan atau di-bawa oleh atau terhadap Lembaga sa-bagaimana ia boleh di-bawa oleh atau terhadap Perbadanan atau orang itu sa-kira-nya Act ini tidak di-luluskan.

(3) Apa² rayuan yang di-bawa atau apa² kebenaran untok merayu yang di-minta pada atau sa-lepas hari yang di-tetapkan itu terhadap sa-suatu keputusan yang di-beri dalam apa² pembicharaan di-sisi undang² sa-belum hari itu boleh di-bawa oleh atau terhadap Lembaga.

101. Terta'alok kepada peruntokan² Act ini, segala wang yang ada dalam, dan yang kena di-bayar kepada, kumpulan wang Perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah Act tersebut hendak-lah, pada hari yang di-tetapkan itu, di-pindahkan kepada Kumpulan-wang.

Pemindahan
Kumpulan-
wang.

102. Tiap² orang yang sa-belum sahaja hari yang di-tetap-kan itu bekerja sa-bagai sa-orang pegawai atau pengkhidmat Perbadanan hendak-lah pada hari itu di-ambil bekerja sa-bagai sa-orang pegawai atau pengkhidmat, mengikut mana yang berkenaan, Lembaga mengikut sharat² perkhidmatan sama saperti yang di-dapati sa-belum sahaja hari yang di-tetapkan itu.

Penerusan
pegawai
dan peng-
khidmat.

Mengelakkan kepinchangan.

103. Jika terbit apa² kesulitan daripada peruntokan² peralehan Act ini yang tersebut di atas Menteri boleh dengan perintah membuat apa² pengubahsuaian di dalam peruntokan² itu sa-bagaimana yang di-dapati-nya perlu bagi mengelakkan kepinchangan:

Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen ini sa-lepas habis tempoh dua tahun dari hari yang di-tetapkan.

Pemasokhan.
56 tahun
1951.
34 tahun
1962.

104. Ordinance Orang² Islam Haji, 1951 dan Act Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji Tanah Melayu, 1962 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 3)

Tidak berkelayakan.

1. (1) Orang² yang berikut ada-lah tidak berkelayakan di-lantek sa-bagai ahli² atau menjadi ahli² Lembaga—

- (a) orang bankrap;
- (b) orang yang telah di-thabitkan kesalahan dan di-jatuhkan hukum penjara sa-lama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;
- (c) orang yang tidak sempurna 'akal atau, kerana apa² sebab lain, tidak berupaya menyempurnakan kewajipan²-nya.

(2) Sa-saorang ahli Lembaga hendak-lah mengosongkan jawatan-nya jika ia tidak menghadiri meshuarat Lembaga tiga kali berturut² dengan tiada kebenaran bertulis Pengerusi Lembaga atau jika ia menjadi tidak layak menurut perenggan-kecil (1).

Minit² boleh di-terima sa-bagai keterangan.

2. Apa² minit yang di-buat mengenai meshuarat² Lembaga, jika di-tandatangani dengan sa-patut-nya, boleh-lah di-terima sa-bagai keterangan dalam segala pembicaraan di-sisi undang² dengan tidak perlu di-kehendaki apa² bukti lagi dan tiap² meshuarat Lembaga yang minit mengenai perjalanan-nya telah di-buat sa-demikian hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-panggil dan di-adakan dengan sempurna-nya dan semua ahli yang hadir sa-bagai berkelayakan mengambil bahagian dalam-nya.

JADUAL KEDUA

(Bahagian 4)

Tidak berkelayakan.

1. (1) Orang² yang berikut ada-lah tidak berkelayakan di-lantek sa-bagai ahli atau menjadi ahli² Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan:

- (a) orang bankrap;
- (b) orang yang telah di-thabitkan kesalahan dan di-jatuhkan hukum penjara sa-lama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;
- (c) orang yang tidak sempurna 'akal atau, kerana apa² sebab lain, tidak berupaya menyempurnakan kewajipan²-nya.

(2) Sa-saorang ahli Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan hendak-lah mengosongkan jawatan-nya jika ia tidak menghadiri meshuarat Jawatan-kuasa tiga kali berturut² dengan tiada kebenaran bertulis Ketua Pengarah atau jika ia menjadi tidak layak menurut perenggan-kecil (1).

LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

51

2. (1) Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan hendaklah bermeshuarat sa-kurang²-nya sa-kali pada tiap² tiga bulan.

Meshuarat Jawatan-kuasa.

(2) Pengerusi dan tiga orang ahli lagi Jawatan-kuasa Kewangan ada-lah menjadi chukupbilang dalam mana² meshuarat Jawatan-kuasa itu.

(3) Pengerusi dan tiga orang ahli lagi Jawatan-kuasa Kebajikan ada-lah menjadi chukupbilang dalam mana² meshuarat Jawatan-kuasa itu.

(4) Jika sa-kira-nya bilangan undi atas apa² soal sama banyak-nya dalam mana² meshuarat Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan, maka Pengerusi ada-lah berhak memberi undi pemutus sa-lain daripada undi asal-nya.

4. Apa² minit meshuarat Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan, jika di-tandatangani dengan sa-patut-nya, boleh-lah di-terima sa-bagai keterangan dalam segala pembicaraan di-sisi undang² dengan tidak perlu di-kehendaki apa² bukti lagi dan tiap² meshuarat Jawatan-kuasa Kewangan atau Jawatan-kuasa Kebajikan yang minit mengenai perjalanan-nya telah di-buat sa-demikian hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-panggil dan di-adakan dengan sempurna-nya dan semua ahli yang hadir sa-bagai berkelayakan mengambil bahagian dalam-nya.

Minit⁴ boleh di-terima sa-bagai keterangan.

JADUAL KETIGA

(Sekshen 93)

1. Lembaga hendak-lah, pada atau sa-belum tarikh sa-suatu perbadanan di-tubuhkan di-bawah sekshen 93, membuat peratoran² berkenaan dengan perbadanan itu menetapkan:

(a) maksud² dan tujuan² perbadanan itu di-tubuhkan;

(b) hak², kuasa², kewajipan² dan tugas² perbadanan itu;

(c) sistem pengurusan-nya; dan

(d) perhubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak²-nya bagi mengawal perbadanan itu.

2. Terta'alok kapada peruntokan² Act ini, mana² peratoran yang di-buat di-bawah perenggan 1 hendak-lah mengikati perbadanan yang berkenaan-nya peratoran² itu telah di-buat dan hendak-lah berkuatkuasa bagi segala maksud sa-olah² peratoran² itu telah di-perbuat di-bawah Act ini.

3. Lembaga boleh pada bila² masa meminda, membatalkan atau menambah mana² peratoran yang di-buat berkenaan dengan sa-suatu perbadanan di-bawah perenggan 1.

4. (1) Lembaga boleh mengarah supaya mana² perbadanan yang di-tubuhkan oleh-nya di-selesaikan urusan-nya dan di-bubarkan.

(2) Apabila sa-suatu perbadanan di-bubarkan di-bawah perenggan ini segala aset perbadanan itu, sa-lepas di-bayar segala tanggungan²-nya, hendak-lah di-pindah-milek kapada dan terletaklah pada Lembaga.

(3) Penyelesaian urusan sa-suatu perbadanan di-bawah perenggan ini hendak-lah di-jalankan mengikut apa² chara sa-bagaimana di-tetapkan oleh Lembaga.

5. Tiap² perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 93 ada-lah suatu pertubuhan yang di-perbadankan dengan apa jua nama yang di-beri kepada-nya oleh Lembaga dan ada-lah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh menda'awa dan di-da'awa atas nama-nya itu, dan boleh membuat konterek² dan boleh memegang serta berniaga atau membuat apa² urusan mengenai apa² harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh dan juga boleh melakukan segala perkara lain yang bersampingan atau berkenaan dengan sa-suatu pertubuhan yang di-perbadankan dengan tidak berlawanan dengan peruntokan² Act ini dan dengan terta'alok kepada apa² sekatan atau had sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Lembaga bagi tiap² satu²-nya.

6. (1) Tiap² perbadanan tersebut hendak-lah mempunyai suatu meteri yang mengandongi sa-suatu tanda sa-bagaimana di-luluskan oleh perbadanan itu dengan persetujuan Lembaga dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat yang lain oleh perbadanan itu, dengan persetujuan Lembaga, sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh perbadanan itu.

(2) Sa-hingga suatu meteri di-adakan oleh perbadanan di-bawah perenggan ini suatu chap yang mengandongi nama perbadanan yang mengelilingi huruf "LUTH" boleh-lah di-gunakan sa-bagai meteri.

(3) Meteri atau chap yang tersebut dalam perenggan-kecil (2) hendak-lah di-simpan dalam jagaan sa-saorang sa-bagaimana yang di-arah oleh perbadanan dan hendak-lah di-sahkan oleh orang itu; dan segala surat-ikatan, suratan dan lain² suratchara yang berupa di-meterikan dengan meteri itu dan yang di-sahkan sa-bagaimana tersebut di-atas, hendak-lah sa-hingga akas-nya di-buktikan, di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya:

Dengan syarat bahawa apa² suratan atau suratchara yang sa-kira-nya di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan-nya suatu perbadanan tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri, boleh dengan chara itu juga di-sempurnakan oleh perbadanan itu; atau mana² suratan atau suratchara tersebut boleh di-sempurnakan bagi pehak perbadanan oleh mana² pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang di-berikuasa dengan am-nya atau khas-nya oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

(4) Meteri tiap² perbadanan hendak-lah di-iktiraf dalam hal rasmi dan kehakiman.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk menyemak dan menyatukan undang² berkaitan dengan penubuhan, pengurusan dan penggunaan wang simpanan bagi maksud naik Haji dan juga undang² berkaitan dengan pengawalan dan kebajikan am orang² Haji yang berkenaan itu.

2. Sekarang ini, undang² berkaitan dengan perkara² tersebut ia-lah Ordinance Orang² Islam Haji, 1951 dan Act Perbadanan Wang Simpanan Orang² Islam Haji, 1962. Peruntokan undang² yang pertama tersebut itu ada-lah di-semak dan di-perbaiki dalam Rang Undang² ini dan per-untokan undang² yang kemudian tersebut itu ada-lah di-gantikan dengan rancangan baharu saperti di-nyatakan dalam Bahagian 2, Bahagian 3, Bahagian 4 dan Bahagian 5 Rang Undang² ini.

3. Suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama Lembaga Urusan dan Tabong Haji ada-lah di-tubuhkan di-bawah Fasal 3 Rang Undang² ini. Lembaga itu terdiri daripada ahli² sa-bagaimana di-nyatakan dalam fasal itu. Tugas² Lembaga ia-lah mentadbir segala perkara berkenaan dengan kewangan dan kebajikan orang² Haji dan membentok dasar² yang tidak berlawanan dengan peruntokan² Act yang di-chadangkan ini. Lembaga itu akan di-bantu oleh Jawatan-kuasa Kewangan dan juga oleh Jawatan-kuasa Kebajikan dan ahli² bagi kedua² Jawatan-kuasa ini ia-lah seperti di-nyatakan dalam Fasal 17 (4) dan Fasal 18 (4). Kedua² Jawatan-kuasa ini ada-lah bertanggung-jawab atas pentadbiran Kumpulan-wang mengikut dasar² Lembaga. Butir² mengenai tugas² bagi kedua² Jawatan-kuasa itu ia-lah seperti di-nyatakan dalam Fasal 17 (5) dan 18 (5) masing².

4. Kumpulan-wang yang di-tubuhkan di-bawah Fasal 19 ada-lah terletak pada Lembaga dan ada-lah terdiri daripada deposit² dan wang² lain yang di-sumbang atau di-pinjamkan kepada Lembaga dan apa² wang atau bayaran lain yang di-dapati atau di-tetapkan oleh Lembaga. Kumpulan-wang itu boleh di-gunakan bagi maksud apa² perbelanjaan berhubung dengan tugas² Lembaga. Jika apa² perbelanjaan Lembaga tidak dapat di-bayar daripada Kumpulan-wang perbelanjaan itu akan di-pertanggung kepada Kumpulan-wang Yang di-Satukan dan akan menjadi suatu hutang yang kena di-bayar kepada Kerajaan dan menjadi suatu tanggungan yang pertama ka-atas aset Kumpulan-wang dan Kumpulan-wang Chadang Lembaga. Bahagian 3 Rang Undang² ini ada-lah berkenaan dengan anggaran tahunan, laporan tahunan, odit dan akaun.

5. Bagi maksud menasihati Lembaga atau Jawatan-kuasa tersebut atas apa² perkara berhubung dengan pelaburan wang Lembaga, Rang Undang² ini juga memperuntokkan penubuhan suatu Penel Pelaburan yang terdiri daripada ahli² yang di-lantek oleh Menteri—(Fasal 23 (3)).

6. Bahagian 6 ada-lah berkenaan dengan kapal Haji yang membawa orang² Haji dari pelabohan² dalam Malaysia. Tiada mana² kapal Haji boleh berlepas belayar dari mana² pelabohan dalam Malaysia melainkan nakhoda ada mempunyai perakuan A dan B yang di-keluarkan mengikut peruntokan² Fasal 33. Sa-lain daripada itu, nakhoda itu hendak-lah juga ada memileki "bil kesihatan" yang di-tandatangani oleh Pegawai Kesihatan Pelabohan. Akhir sa-kali, nakhoda itu mesti-lah juga ada memileki satu salinan penyata yang di-buat mengikut peruntokan Fasal 41 dan Fasal 43 dengan di-tandatangan-timbal oleh sa-orang pegawai pelabohan. Lain² peruntokan dalam Bahagian 4 ada-lah berkenaan dengan notis sa-belum belayar, kuasa² memasoki dan memeriksa kapal² Haji oleh Shahbandar dan Pegawai² Kesihatan Pelabohan dan juga berkenaan dengan langkah² penchegeh berhubung dengan keselamatan dan kesihatan orang² Haji pada am-nya.

7. Bahagian 7 mengandongi peruntokan² berkenaan dengan orang² Haji khusus-nya. Tiada sa-saorang orang Haji boleh di-terima naik ka-dalam mana² kapal Haji melainkan ia telah di-pereksa oleh sa-orang Pegawai Kesihatan Pelabohan dan telah mendapat paspot Haji dan suatu teket pergi-balek. Tiada sa-saorang orang Haji boleh menaiki kapal melainkan

ia mengemukakan satu perakuan kesihatan yang sah mengikut Fasal 69 (2) (a). Lain² peruntukan dalam Bahagian itu ada-lah berkenaan dengan pemeriksaan doktor, penyakit² berjangkit dan kesalahan² dalam kapal Haji dan penalti bagi kesalahan² itu.

8. Bahagian 8 ada-lah berkenaan dengan pengeluaran teket orang Haji.

9. Bahagian 9 ada-lah berkenaan dengan mengambil bekerja ejen² orang Haji. Ejen² orang Haji akan di-ambil bekerja oleh Lembaga mengikut syarat² yang di-kenakan oleh-nya. Pelanggaran terhadap mana² syarat itu ada-lah menjadi suatu kesalahan. Bahagian ini bertujuan mengadakan sedikit sa-banyak pengawalan ka-atas ejen² orang Haji dan urusan² mereka.

10. Bahagian 10 mengandongi peruntukan² tambahan dan antara-nya ia-lah kuasa untuk membuat kaedah² dan peratoran² bagi maksud Act yang di-chadangkan ini. Di-bawah Fasal 93 (2), Lembaga boleh menu-buhkan perbadanan² pechahan bagi mengurus apa² rancangan atau projek Lembaga.

11. Akhir sa-kali, Bahagian 11 ada-lah mengandongi peruntukan² per-alehan dan kechualian.

[P.N. 3423/1.]